

Jilid 1  
Bil. 38



Hari Khamis  
15hb Disember, 1983

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN NEGARA**  
*SENATE*

**PARLIMEN KEENAM**  
*Sixth Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**  
*First Session*

**KANDUNGANNYA**

**MENGANGKAT SUMPAH:**

Tan Sri Ismail Khan [Ruangan 4969]

**PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DIPERTUA:**

Mengalu-alukan Ahli Baru [Ruangan 4969]

**MEMILIH TUAN YANG DIPERTUA [Ruangan 4969]**

**PENGUMUMAN TUAN YANG DIPERTUA:**

Penghargaan Perlantikannya Semula [Ruangan 4970]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
[Ruangan 4971]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan, 1984 [Ruangan 4995]

Rang Undang-undang Levi Kenderaan Barang-barang [Ruangan 5055]

MALAYSIA

**PARLIMEN KEENAM—DEWAN NEGARA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

- Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, TAN SRI ISMAIL KHAN, P.S.M., P.N.B.S., B.K.T., P.P.T. (Dilantik).
- „ Timbalan Yang Dipertua, DATO SULAIMAN BIN NINAM SHAH, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., B.S.I., P.I.S., J'P. (Dilantik).
- „ LT. KOL. (B) ABDUL HAMID BIN IBRAHIM (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL JALIL BIN ABDUL RAHMAN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL WAHAB BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Dilantik).
- „ TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN (Dilantik).
- „ TUAN AHMAD BIN OTHMAN (Kedah).
- „ TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik).
- „ TUAN BASHARON BIN HANAPIAH (Dilantik).
- „ DATO CHIN KIM YOONG, D.P.C.M., A.M.P., P.P.T. (Perak).
- „ DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., J.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Johor).
- „ TUAN FADZIL BIN MAHMOOD, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Perlis).
- „ DATO S. GOVINDARAJ, D.P.M.S. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH HABIBAH BINTI ABDUL GHANI (Pahang).
- „ PUAN HAFSAH BINTI OTHMAN (Dilantik).
- „ PUAN HASNAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM *alias* HASNAH FATIMAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Terengganu).
- „ TUAN IBRAHIM *alias* AHMAD BIN MAT SAMAN *alias* OTHMAN, B.M.S., A.M.K., A.M.N., P.J.K. (Kedah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN SALLEH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, A.M.N., P.J.K. (Pulau Pinang).
- „ TUAN JAAFAR BIN HARUN (Dilantik).
- „ DATUK JAMES BERNARD WILLIE, P.G.D.K. (Sabah).
- „ PUAN SRI JANAKI ATHI NAHAPPAN (Dilantik).
- „ TUAN R. M. JASNI, B.K. (Dilantik).
- „ TUAN SYED KAMARULZAMAN BIN SYED BAHALDIN ALJAMLUD, K.M.N., A.M.N. (Selangor).

Yang Berhormat TUAN KEE YONG WEE (Dilantik).

- „ TUAN KENNETH KANYAN ANAK TEMENGGONG KOH, K.M.N., J.B.S. (Sarawak).
- „ DATO KHOO KAY POR, D.M.P.N., J.M.N., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS (Dilantik).
- „ CIK LIM HIANG NAI *alias* LIM SEAN LEAN (Dilantik).
- „ TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang).
- „ DATO HAJI MOHAMED BIN NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAHYA, P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Johor).
- „ DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K. (Dilantik).
- „ TUAN MOHD. NOOR BIN BEDAH (Perlis).
- „ TUAN MOHD. YUSOFF KASSIM (Perak).
- „ TUAN NASIR BIN HAJI MANAP, A.M.N., P.J.K. (Melaka).
- „ PUAN NEN ABIDAH BINTI ABDULLAH (Dilantik).
- „ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, K.M.N., A.M.N., P.J.K., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN PARAMJIT SINGH (Dilantik).
- „ DATO G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.I., P.I.S., B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN NG AH POI *alias* WONG SIAU CHUAN, P.P.N., J.P. (Melaka).
- „ PUAN RAGAYAH BINTI ARIFF, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ PUAN ROKIAH *alias* MAIMUN BINTI ZAINUDDIN (Dilantik).
- „ TUAN SALLEH BIN KASSIM, A.M.T., A.M.N., P.J.K. (Terengganu).
- „ TAN SRI C. SELVARAJAH, P.S.M. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI SHAHAROM BIN HAJI MAASOM (Dilantik).
- „ TUAN STEPHEN TIMOTHY WAN ULLOK (Dilantik).
- „ TUAN TAN CHANG SOONG (Dilantik).
- „ TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- „ TUAN D. P. VIJANDRAN (Dilantik).
- „ DATO WONG SENG CHOW, A.M.N., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ DATO YAP PENG *alias* YAP PIANG TAU, D.P.M.S. (Selangor).
- „ TAN SRI DATUK YEH PAO TSU, P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ TAN SRI ZAITON IBRAHIM BIN AHMAD, P.S.M. (Dilantik).

## DEWAN NEGARA

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Salleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

## DEWAN NEGARA

Khamis, 15hb Disember, 1983

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Timbalan Yang Dipertua *mem-*  
*pengerusikan Mesyuarat*)

## MENGANGKAT SUMPAAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

Tan Sri Ismail Khan

PENGUMUMAN  
TIMBALAN YANG  
DIPERTUA

## Mengalu-alukan Ahli Baru

**Timbalan Yang Dipertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Tan Sri Ismail Khan kerana telah dilantik semula sebagai Ahli Dewan Negara mulai hari ini. Saya berharap semoga beliau dapat terus memberikan sumbangan yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan juga kepada negara.

MEMILIH TUAN YANG  
DIPERTUA

**Tuan Setiausaha:** Memilih Tuan Yang Dipertua.

Menurut Perkara 56 (1) Perlembagaan Persekutuan dan Peraturan Mesyuarat 1, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri akan mencadangkan.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P Ongkili):** Yang Berhormat Tuan Timbalan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan, iaitu Yang Berhormat Tan Sri Ismail Khan dipilih semula menjadi Tuan Yang Dipertua.

**Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh:** Tuan Timbalan Yang Dipertua, saya mohon menyokong usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Datuk Dr James Ongkili, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

**Tuan Setiausaha:** Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana satu cadangan sahaja diterima dan disokong maka menurut Peraturan Mesyuarat 2, ceraiian 3, saya dengan ini memasyhurkan Yang Berhormat Tan Sri Ismail Khan dipilih sebagai Tuan Yang Dipertua (*Tepuk*).

*(Dengan pemasyhuran Tuan Setiausaha, Yang Berhormat Tan Sri Ismail Khan dibawa ke Kerusi oleh Yang Berhormat Datuk Dr James P. Ongkili dan Yang Berhormat Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh).*

PENGUMUMAN TUAN  
YANG DIPERTUAPenghargaan atas Perlantikannya  
Semula

**Tuan Yang Dipertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas

kepercayaannya mencadangkan saya supaya dipilih semula sebagai Yang Dipertua, kepada Yang Berhormat Datuk Dr James P. Ongkili yang telah mengemukakan cadangan itu dan Yang Berhormat Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh yang telah menyokongnya serta Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian yang telah bersetuju memilih saya sebagai Yang Dipertua.

Saya mengucapkan terima kasih. Saya berharap sebagaimana yang telah lalu Ahli-ahli Yang Berhormat akan terus memberikan kerjasama mereka kepada saya sebagai Yang Dipertua dan juga kepada Yang Berhormat Timbalan Yang Dipertua serta pegawai-pegawai Parlimen dalam tugas-tugas kami menjalankan Urusan Mesyuarat Dewan Negara.

Dewan ditempohkan selama 5 minit.

*Persidangan ditempohkan pada pukul 2.40 petang.*

*Persidangan disambung semula pada pukul 2.45 petang.*

*(Timbalan Yang Dipertua mem-  
pengerusikan Mesyuarat)*

## JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

### PAJAK GADAI—LESEN KEPADA BUMIPUTERA DAN RAKYAT KETURUNAN INDIA

**Timbalan Yang Dipertua:** Yang Berhormat Tuan K. Kumaran.

**Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh:** Tuan Yang Dipertua, dengan izin, soalan No. 1.

**1. Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh (di bawah S. O. 23 (2))** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan jumlah lesen yang diberi kepada kaum Bumiputera dan rakyat

keturunan India bagi mengendalikan Pajak Gadai di negara ini dan jumlah aduan penipuan dan jenis penipuan yang diterima terhadap kedai pajak dan tindakan yang diambil terhadap mereka.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan S. Subramaniam):** Tuan Yang Dipertua, bagi tempoh 1hb Januari, 1983 hingga 31hb Disember, 1985 tidak terdapat sebarang permohonan bagi mendapatkan lesen Pajak Gadai dari kaum Bumiputera dan rakyat keturunan India. Oleh itu tidak ada lesen Pajak Gadai diberikan kepada mereka.

Sehingga ke tarikh ini sebanyak 117 aduan secara bertulis mengenai penipuan atau penyelewengan pekedai-pekedai Pajak Gadai berlesen telah diterima oleh Kementerian saya. Mengenai jenis penipuan yang kebanyakannya diterima ialah mengenai kadar bunga yang dikenakan, penggunaan kertas tiket Pajak Gadai yang bermutu rendah, maklumat-maklumat tiket Pajak Gadai tidak ditulis dengan terang dan jelas dan rayuan untuk melanjutkan tempoh kelupusan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian saya telah dapat menyelesaikan kes-kes penipuan yang dikemukakan dengan kerjasama dari Pihakberkuasa-pihakberkuasa Negeri dan Polis.

**Tuan Nasir bin Manap:** Tuan Timbalan Yang Dipertua, merujuk kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah Yang Berhormat sedar atau adakah benar surat-surat Pajak Gadai yang digunakan sekarang tidak ditulis dalam Bahasa Malaysia dengan sepenuhnya. Jika benar, adakah perancangan dari pihak Yang Berhormat untuk menulis dengan sepenuhnya surat-surat yang dikeluarkan daripada Pajak Gadai

dalam Bahasa Malaysia dengan sepenuhnya dan kalau ada rancangan untuk mengadakan tulisan dalam Bahasa Malaysia, bilakah agak masanya akan dilaksanakan.

**Tuan S. Subramaniam:** Tuan Yang Dipertua, saya sedar bahawa kebanyakan tuanpunya-tuanpunya Pajak Gadai masih belum menulis dalam Bahasa Malaysia dalam surat-surat Pajak Gadai dan Kementerian saya telah mengambil tindakan untuk menukar sistem yang ada sekarang dan Kementerian saya telah pun mewartakan beberapa pertukaran kepada peraturan-peraturan yang sedia ada dan ikut dari perubahan-perubahan kita telah dapat dari Persatuan Pajak Gadai-Pajak Gadai beberapa bantahan terhadap kesulitan-kesulitan yang mereka akan hadapi untuk mengikut segala perubahan-perubahan yang kita akan laksanakan. Oleh kerana itu perkara ini masih dalam kajian dan perbincangan Kementerian saya.

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Penipuan-penipuan yang dilakukan oleh tuanpunya-tuanpunya kedai Pajak Gadai ini ke manakah rakyat yang tertipu tadi boleh mengadu ke balai poliskah, ke Biro Bantuan Guamankah atau ke Persatuan Pengguna-pengguna kerana banyak sekali kejadian rakyat yang tertindas oleh tuanpunya-tuanpunya kedai Pajak Gadai.

**Tuan S. Subramaniam:** Tuan Yang Dipertua, sebenarnya lesen-lesen Pajak Gadai adalah diberi secara tender oleh Pihakberkuasa Kerajaan-kerajaan Negeri dan Dewan Bandaraya dan di peringkat tiap-tiap negeri adalah pegawai-pegawai yang bertanggungjawab untuk menguatkuasakan undang-undang dan untuk menentukan bahawa pemegang Pajak Gadai mematuhi segala peraturan-peraturan.

Jadi, kalau ada penipuan atau penyelewengan mereka yang ditipu bolehlah buat aduan kepada Pihakberkuasa Kerajaan Negeri dan juga kepada Kementerian saya ataupun Polis untuk mengambil tindakan yang sewajarnya.

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Kepada Kerajaan Negeri itu kepada Bahagian mana yang rakyat boleh mengadu?

**Tuan S. Subramaniam:** Tuan Yang Dipertua, sebenarnya ada pegawai di Kerajaan Negeri di bawah Setiausaha Kerajaan Negeri masing-masing yang diberi kuasa untuk memberi lesen dan juga mengawasi keadaan di bawah Akta ini. Jadi, bolehlah dilaporkan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri masing-masing.

#### PASPORT ANTARABANGSA— JUMLAH PEMEGANG

2. **Tuan Haji Abdul Jalil bin Abdul Rahman** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan pemegang Pasport Malaysia (Pasport Antarabangsa) sehingga sekarang mengikut kaum dan apakah tujuan utama mereka memiliki pasport tersebut.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed):** Tuan Yang Dipertua, jumlah pasport Malaysia yang dikeluarkan sehingga akhir Oktober, 1983 ialah sebanyak 2,280,007. Adalah menjadi amalan Kementerian Dalam Negeri tidak menyimpan rekod pemegang-pemegang Pasport Malaysia mengikut keturunan mereka.

Rakyat Malaysia memohon mendapatkan pasport antarabangsa biasanya dengan tujuan untuk melancung ke negara-negara asing, membuat lawatan perniagaan, bekerja sementara atau menuntut di luar negeri.

**Tuan Haji Abdul Jalil bin Abdul Rahman:** Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Saya ingin tahu daripada Kementerian berkenaan sama ada benar atau tidak ada rakyat Malaysia yang memegang Pasport Antarabangsa Malaysia ini menggunakan kesempatan pergi ke luar negeri untuk membuat dakyah memburuk-burukkan Kerajaan kita. Dan juga ada setengah-setengah orang profesional yang ada mempunyai Pasport Malaysia mereka keluar daripada Malaysia dan berhijrah ke negara-negara lain dan mereka juga melakukan kerja dakyah palsu untuk memburukkan Kerajaan Malaysia. Kalau benar, adakah Kerajaan membiarkan sahaja mereka berbuat demikian atau apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk membasmi perbuatan tersebut?

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang Dipertua, memang benar dan Kerajaan menyiasat untuk mendapat maklumat yang lebih lanjut lagi sebagai tindakannya.

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri sedar selain daripada jumlah 2 juta lebih Pasport Antarabangsa yang dikeluarkan itu terdapat di dalamnya pasport-pasport tiruan atau pasport-pasport palsu. Jika ada, setakat ini berapa banyakkah yang telah dapat dikesan?

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang Dipertua, dari jumlah 2 juta lebih yang saya sebutkan tadi setakat ini kita tidak lagi dapat mengesan pasport yang palsu. Kalau palsu, maka ianya bukanlah pasport (*Ketawa*).

#### LEMBAGA PENGURUS SEKOLAH MENENGAH—PERANAN

**3. Tuan Jaafar bin Harun** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada benar atau tidak bahawa Kerajaan

tidak lagi menggalakkan pengurusan atau perjalanan Lembaga Pengurus Sekolah Menengah, jika benar beri sebab-sebabnya dan nyatakan juga peranan Lembaga ini berbanding dengan peranan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG).

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Mohamed Khalil Yaakob):** Tuan Yang Dipertua, adalah tidak benar bahawa Kerajaan tidak lagi menggalakkan pengurusan atau perjalanan Lembaga Pengelola Sekolah Menengah. Mengikut undang-undang yang ada sekarang ini Lembaga-lembaga Pengelola Sekolah Menengah yang sedia ada berjalan terus seperti biasa.

Lembaga Pengelola Sekolah adalah bertanggungjawab terhadap pengurusan sekolah berdasarkan Akta Pelajaran dan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Sebaliknya, peranan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) adalah tertumpu kepada kebajikan kanak-kanak sekolah. Di samping itu, PIBG juga adalah ditubuhkan dengan tujuan supaya ibu bapa dan guru dapat bersama-sama menyelesaikan masalah-masalah tertentu berkaitan dengan kebajikan kanak-kanak di sekolah masing-masing.

**Timbalan Yang Dipertua:** Yang Berhormat Tuan Kee Yong Wee.

**Dato Chin Kim Yoong:** Tuan Yang Dipertua, dengan izin, soalan ke 4.

#### PEMBAZIRAN AIR DI SELANGOR/WILAYAH PERSEKUTUAN

**4. Dato Chin Kim Yoong** (*di bawah S. O. 23 (2)*) minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada Kementerian beliau akan mengambil langkah-langkah yang lebih positif untuk menjimatkan pembaziran air di Selangor dan Wilayah Persekutuan di mana pembaziran ini telah meningkat

ke 25% yang akan menyebabkan Kerajaan menanggung kerugian sebanyak 14 juta ringgit setahun.

**Timbalan Menteri Kerjaraya (Dato' Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman):** Tuan Yang Dipertua, angka peratusan sebanyak 25% yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebenarnya tidak memberi gambaran yang tepat terhadap pembaziran air di Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan. Angka ini sebenarnya memberi makna kepada peratusan kerugian air yang tidak dapat disukat di dalam sistem bekalan air. Kerugian air yang tidak dapat disukat ini boleh ditakrifkan sebagai perbezaan di antara jumlah air pada meter yang terdapat di loji dengan jumlah air yang diterima pada meter-meter pengguna.

Perbezaan ini adalah disebabkan oleh saluran paip yang bocor atau pecah, kegunaan oleh pihak Bomba, kerja-kerja membasuh longkang-longkang oleh pihak Penguasa Tempatan, kegiatan menggunakan air secara haram (illegal use) dan merosak atau mengubahsuai meter-meter air.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi Negeri Selangor dan Wilayah pada tahun 1982 jumlah kerugian air yang tidak dapat disukat adalah sebanyak 23% yang disebabkan oleh faktor-faktor seperti berikut (dalam anggaran):

(i) Saluran paip yang bocor dan pecah . . . . .	10%
(ii) Merosak dan mengubahsuai meter . . . . .	5%
(iii) Kegunaan pihak Bomba dan Penguasa Tempatan . . . . .	2%
(iv) Penggunaan air secara haram . . . . .	3%
(v) Kesilapan meter . . . . .	3%
<b>JUMLAH . . . . .</b>	<b>23%</b>

Daripada angka yang saya sebutkan tadi jelaslah apa yang dianggap sebagai pembaziran air hanya sebanyak 10% sahaja yang disebabkan oleh saluran paip yang bocor dan pecah. Penggunaan air oleh Jabatan Bomba, membasuh longkang dan sebagainya,

sebenarnya bukanlah merupakan pembaziran kerana air ini sebenarnya telah diguna.

Tuan Yang Dipertua, suka saya maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa pada masa ini Jabatan Bekalan Air Selangor sedang mengambil langkah positif untuk mengatasi masalah pembaziran akibat dari saluran paip yang bocor atau pecah itu. Antara langkah-langkah tersebut adalah memasang alat 'telemetry' yang mana akan dapat memberi maklumat yang lebih tepat berkenaan dengan keadaan sistem paip yang sedia ada. Pada masa ini dokumen tawaran untuk memasang alat itu sedang disediakan. Selain daripada itu, Jabatan Bekalan Air juga sedang mengambil tindakan untuk memperolehi alat-alat pengesan kebocoran paip di bawah tanah. Dengan adanya alat ini pembaziran air akibat kebocoran itu akan dapat dikurangkan.

Jabatan Bekalan Air Selangor juga mengadakan pemeriksaan paip-paip tiap-tiap hari ke atas tangki-tangki air untuk memastikan limpahan air tidak berlaku, paip-paip yang pecah dan bocor dibaiki serta-merta sebaik sahaja diketahui dan tekanan air di beberapa kawasan juga dikawal supaya tidak berlebihan.

**Tuan Mohd. Noor bin Bedah:** Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah Kerajaan mempunyai dasar untuk menentukan bahawa pembekalan air minum bagi Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan akan mencukupi sehingga tahun 2,000.

Saya ulangi. . . . .

**Timbalan Yang Dipertua:** Ahli Yang Berhormat sudah habis? Cukuplah, Timbalan Menteri akan jawab.

**Dato' Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman:** Tuan Yang Dipertua, saya tak berapa dengar tadi.

**Timbalan Yang Dipertua:** Bekalan-bekalan air itu boleh cukupkah sampai tahun 2,000—itu sahaja.

**Dato' Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman:** Tuan Yang Dipertua, pihak Kerajaan sentiasa membuat ulangkaji dan persiapan-persiapan untuk membekalkan air secukupnya pada tiap-tiap tahun di masa-masa hadapan.

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Jika sekiranya pengeluaran air yang membazir tadi daripada kesan paip pecah 2%, daripada kesan meter 5% dan penggunaan haram 3%, jika sekiranya tidak berlaku ini adakah bekalan iar untuk Selatan Selangor, terutama di kawasan Sepang, Batu Laut, Tanjong Sepat, Bukit Bangkong boleh mendapat air yang sepenuhnya jika tidak berlaku perbuatan-perbuatan yang seperti ini.

**Dato' Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman:** Tuan Yang Dipertua, bekalan air ini datang daripada berbagai-bagai punca daripada tempat-tempat yang berlainan. Mungkin dalam kawasan yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu walaupun diijamatkan daripada salahguna dan kebocoran, mungkin juga tidak dapat membekal kesemuanya.

**Timbalan Yang Dipertua:** Yang Berhormat Dato' Yap Peng.

**Tuan Syed Kamarulzaman bin Syed Bahaldin:** Tuan Yang Dipertua, dengan izin, Soalan No. 5.

#### KEDAI BEBAS CUKAI DI JOHOR BAHRU—CADANGAN

**5. Tuan Syed Kamarulzaman bin Syed Bahaldin** (*di bawah S. O. 23 (2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar ramai rakyat Malaysia yang menghabiskan wang mereka di Singapura dan jika sedar nyatakan sama ada beliau akan mengkaji

membuka pusat membeli belah bebas cukai di Johor Bahru, jika ya, bila dan jika tidak mengapa.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik):** Tuan Yang Dipertua, Kerajaan memang sedar tentang ramainya rakyat Malaysia yang pergi ke Singapura untuk membeli belah di sana. Perkara ini adalah diberi perhatian yang berat dan dengan itu beberapa langkah telah pun dilaksanakan yang bertujuan untuk menggalakkan rakyat Malaysia membeli belah di negara kita sendiri. Langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:

- (1) Dalam Belanjawan 1982 dahulu semua cukai-cukai atas kamera, jam tangan, pen dan pemetik api rokok telah dihapuskan. Dalam Belanjawan 1983 semua cukai-cukai atas minyak wangi, alat-alat solek tertentu, dengan izin, cine camera, projector, sound recorder, radio transistor telah turut dihapuskan. Semua barang-barang ini adalah merupakan barang-barang yang selalunya dibeli oleh rakyat Malaysia apabila berkunjung ke Singapura. Dengan penghapusan cukai tersebut harga barang-barang itu di pasaran tempatan akan menjadi lebih murah dan ini sepatutnya akan menggalakkan rakyat negara kita membeli barang-barang ini di pasaran tempatan.
- (2) Satu lagi langkah ke arah matlamat ini ialah dengan mengadakan kedai-kedai bebas cukai di lapangan terbang-lapangan terbang iaitu di Lapangan Terbang Subang dan juga Lapangan Terbang Bayan Lepas untuk menjual barang-barang bebas cukai kepada penumpang-penumpang yang tiba di negara kita ini. Kedai-kedai bebas cukai ini bukan sahaja dibenarkan menjual

barang-barang bebas cukai kepada warganegara asing tetapi juga kepada warganegara Malaysia yang pulang. Dengan rakyat Malaysia dibenarkan membeli barang-barang bebas cukai dari kedai-kedai bebas cukai tempatan ini maka tidaklah perlu lagi bagi mereka untuk membeli barang-barang bebas cukai semasa mereka berada di negara-negara asing untuk dibawa balik.

Tuan Yang Dipertua, kedua-dua langkah yang telah dinyatakan tadi telah diambil untuk menggalakkan rakyat negara ini membeli belah di negara kita daripada membeli di Singapura. Di samping itu juga Kerajaan ada mempunyai cadangan untuk mengadakan kedai bebas cukai di Johor Bahru tetapi perkara ini masih lagi dalam kajian dan pertimbangan.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah:** Soalan tambahan. Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya, kedai bebas cukai yang di lapangan terbang kita ini adakah dihadkan untuk orang-orang membelinya kerana apa yang saya tahu ada kawan saya yang membeli rokok dua kartun tetapi dibenarkan hanya satu sahaja, tak boleh lebih daripada itu, kalau lebih kena bayar cukai. Bagaimana yang dikatakan tafsir cukai bebas ini?

**Dato Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang Dipertua, barang-barang boleh dibeli di kedai itu dengan tidak perlu membayar cukai walaupun lebih daripada had yang boleh seperti disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, tetapi kalau sekiranya rokok yang dibeli itu lebih daripada yang dibenarkan maka memanglah kelebihan itu terpaksa dibayar cukai. Sebagai misalan seseorang boleh membawa 200 batang rokok yang tidak dikenakan cukai tetapi dia membeli 400 batang, maka 200 tidak dikenakan cukai, yang 200 lagi itu akan dikenakan cukai.

## RANCANGAN 'BIMBINGAN BAHASA' MELAYU TELEVISYEN

**6. Dato' Chin Kim Yoong** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau akan mengadakan kelas bahasa di radio dan televisyen atau di radio sahaja untuk orang-orang dewasa, jika ya, nyatakan bila dan jika tidak beri sebab-sebabnya.

**Dato' Mohamed Khalil Yaakob:** Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran melalui Dewan Bahasa dan Pustaka telah mengadakan rundingan dengan pihak Radio Televisyen Malaysia dan bersetuju menyelenggara penerbitan satu siri pelajaran Bahasa Malaysia melalui Televisyen Malaysia. Rancangan tersebut diberi nama 'Bimbingan Bahasa' yang akan disiarkan pada kira-kira bulan April 1984. Rancangan berbentuk pendidikan ini disediakan untuk semua peringkat umur dan semua golongan penonton. Pada masa ini pihak Kementerian belum lagi bercadang hendak mengadakan rancangan pelajaran bahasa melalui Radio Malaysia kerana perhatian sedang ditumpukan kepada rancangan melalui Televisyen dahulu.

## KLINIK PERUBATAN DALAM FIRMA/KILANG

**7. Tuan Syed Kamarulzaman bin Syed Bahaldin** minta Menteri Kesihatan menyatakan sistem kawalan yang dikenakan ke atas klinik-klinik perubatan dalam firma-firma dan kilang-kilang untuk menghindarkan penyelewengan atau bahaya mungkin berlaku.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):** Tuan Yang Dipertua, mengikut fahaman saya mengenai soal ini, sukacitalah saya memberi tahu Ahli Yang Berhormat bahawa buat masa ini negara kita

mempunyai beberapa undang-undang dan peraturan untuk mengawal kegiatan pengamalan perubatan dan pembedahan dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya sama ada di pihak Kerajaan ataupun di sektor swasta. Antara lain ialah:

- (1) Akta Perubatan tahun 1971.
- (2) Akta Hospital Persendirian tahun 1971.
- (3) Akta Pembantu Hospital (Pendaftaran) tahun 1977.
- (4) Akta Jururawat tahun 1950.
- (5) Akta Bidan tahun 1966.

Dan di bawah Akta tahun 1971 tiada sesiapa pun yang boleh mengamalkan perubatan atau pembedahan melainkan beliau telah didaftarkan atau dikecualikan dari pendaftaran di bawah Akta tersebut dan mempunyai sijil pengamalan tahunan yang sah. Begitu juga dengan paramedik-paramedik di mana mereka adalah tertakluk kepada undang-undang yang berhubung dengan profesion mereka. Klinik-klinik perubatan di firma dan di kilang-kilang juga tertakluk kepada undang-undang yang berkenaan.

## LONGKANG DAN PARIT UNTUK MENCEGAH BANJIR

**8. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah** minta Menteri Kerjaraya menyatakan tidakkah ada kajian dibuat oleh Jabatan Kerjaraya supaya jalan-jalan yang akan dibuat pada masa akan datang mestilah disediakan longkang-longkang besar atau parit-parit besar supaya air dapat mengalir apabila hari hujan dan tidak lagi berlaku sebagaimana pada hari hujan didapati banjir di jalan umpamanya di Lebu Raya Kuala Lumpur-Seremban.

**Dato' Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman:** Tuan Yang Dipertua, Kementerian saya senantiasanya membuat

kajian di dalam merekabentuk jalan-jalan yang akan dibina supaya dapat menyediakan longkang-longkang dan parit-parit yang mencukupi untuk aliran air. Perparitan yang direkabentuk itu tertakluk kepada faktor ramalan keamatan hujan, tempoh ataupun dengan izin, duration hujan, keadaan kawasan tadahan hujan dan kegunaan tanah di kawasan-kawasan berkenaan di masa-masa hadapan. Masalah ini biasanya timbul apabila adanya pembangunan perumahan secara besar-besaran yang dibuat di sebelah-menyebelah jalan tersebut dan ini timbul di luar dugaan ataupun ramalan semasa jalan tersebut dirancang. Dalam banyak kawasan perparitan untuk mengalirkan air bagi permukaan jalan di kawasan berdekatan telah dijadikan parit untuk keseluruhan kawasan itu. Ini menimbulkan keadaan parit menjadi rosak, pecah dan tertimbus. Keadaan yang sedemikian boleh menimbulkan banjir kilat sekiranya air yang turun daripada tapak-tapak pembangunan itu melebihi daripada kapasiti saluran parit-parit air itu.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah:** Soalan tambahan. Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan ini adalah akibat oleh projek-projek perumahan yang menyebabkan air-air turun ke jalan ini. Oleh itu, adakah pihak Kerajaan meminta bantuan daripada pihak projek-projek perumahan kerana mereka yang mengakibatkan longkang-longkang tersumbat dan sebagainya sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi supaya tidak Kerajaan yang menanggung rugi.

**Dato' Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman:** Tuan Yang Dipertua, JKR sendiri tidak ada membuat apa-apa tuntutan ke atas pembangun-pembangun kawasan itu melainkan

jika jalan itu dikawal oleh pihak Kerajaan melalui Kementerian Kerjaraya dan ini biasanya jalan-jalan Federal, kalau jalan-jalan Federal untuk mendapat kelulusan bagi membukakan tanah itu untuk perumahan mestilah mendapat kelulusan daripada pihak JKR terlebih dahulu maka barulah dapat pihak JKR menentukan syarat-syarat. Tetapi kebanyakan daripada pergolakan dalam pembangunan ini tidak melibatkan JKR.

### UNIT RELA

**9. Puan Nen Abidah binti Haji Abdullah** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan bertujuan membubarkan unit Rela atau mengekalkan mereka untuk menjadi mata dan telinga Kerajaan; jika ya menyatakan sebab-sebab mengapa unit Rela ini tidak tahu menahu langsung mengenai kejadian jenayah, penyalahgunaan dadah dan lain-lain di sekitar tempat tinggal mereka.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed):** Tuan Yang Dipertua, setakat ini Kerajaan tidak bercadang untuk membubarkan unit-unit Rela dan masih mengekalkan mereka untuk menjadi mata dan telinga Kerajaan.

Adalah tidak benar dakwaan yang mengatakan bahawa unit-unit Rela tidak tahu menahu mengenai kejadian-kejadian jenayah, penyalahgunaan dadah dan lain-lain lagi di sekitar tempat tinggal mereka memandangkan selama ini unit-unit Rela telah banyak memberi maklumat kejadian-kejadian tersebut kepada pihak-pihak berkuasa.

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua, minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan kalau Rela tidak bercadang untuk membubarkan, ada

rungutan dan kegelisahan dari kalangan anggota-anggota Rela di kampung-kampung yang telah memohon senapang patah untuk dibekalkan kepada unit itu kalau tak salah saya 3 pucuk bagi satu unit untuk memusnahkan musuh-musuh tanaman, tetapi sehingga bertahun-tahun tidak dapat kelulusan. Mengapa berlaku keadaan yang semacam itu?

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang Dipertua, masalah pembekalan senapang-senapang patah sebenarnya bergantung kepada keperluan berasaskan panduan dan nasihat laporan daripada JKKD di tempat masing-masing.

### PERDAGANGAN DUA HALA MALAYSIA—KENYA

**10. Tuan D. P. Vijandran** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau puashati dengan perdagangan dua hala di antara Malaysia dan Kenya dan sama ada beliau akan memperbesarkan tenaga pesuruhjaya perdagangan kita di Nairobi, jika ya, bila dan jika tidak mengapa.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj):** Tuan Yang Dipertua, perdagangan dua hala antara Malaysia dengan Kenya dalam lima tahun yang lepas telah berkembang pada tahap yang memuaskan kecuali pada dua tahun kebelakangan ini, di mana perdagangan antara kedua buah negara telah berkurangan sedikit.

Keadaan ini berlaku disebabkan oleh kemelesetan ekonomi iaitu masalah kewangan yang dihadapi oleh Kenya. Pada tahun 1979 jumlah eksport Malaysia ke Kenya ialah \$10.7 juta, dan terus berkembang kepada \$45.05 juta, dalam tahun 1981 tetapi telah merosot kepada \$18.64 juta pada tahun 1982.

Semenjak tahun 1974 imbangan perdagangan antara dua buah negara sering menguntungkan Malaysia dan pada tahun 1981 Malaysia mendapat lebih perdagangan sebanyak \$36.3 juta dan \$3.74 juta dalam tahun 1982. Di antara eksport terutama barangan Malaysia ke Kenya termasuklah getah asli, barangan getah iaitu tayar dan tiub, minyak tapis kelapa sawit dan landasan keretapi.

Disebabkan oleh kemelesetan ekonomi dan kekurangan tukaran mata wang asing, Kerajaan Kenya telah mengambil langkah sekatan yang ketat ke atas import ke negaranya serta meningkatkan lagi kadar tarikh ke atas beberapa barangan lagi termasuklah barangan utama. Di samping itu beberapa jenis barangan kilang dan separuh kilang juga dilarang dari diimport.

Tindakan sedemikian telah menyebabkan eksport barangan kita ke pasaran Kenya menjadi terhad kepada beberapa barangan utama sahaja termasuklah minyak tapis kelapa sawit, getah asli, tayar dan tiub. Berdasarkan kepada keadaan di atas, Kementerian ini berpendapat bahawa keadaan perdagangan dua hala antara Malaysia dengan Kenya sekarang adalah memuaskan dan boleh diperbaiki apabila keadaan ekonomi Kenya pulih semula.

Pada ketika ini kita mempunyai 3 orang pegawai dari Malaysia di Nairobi iaitu seorang Pesuruhjaya Perdagangan, seorang Pegawai Kerja dan seorang Jurutrengkas dan tujuh orang kakitangan tempatan termasuk seorang Pegawai Pemasaran dan seorang kerani.

Kementerian ini berpendapat bahawa tenaga Pesuruhjaya Perdagangan di Nairobi buat masa kini telah mencukupi dengan mengambil kira keadaan pasaran di Kenya dan Kementerian ini berpendapat bahawa Pejabat Perdagangan di Nairobi dapat

berfungsi dengan cekap dalam usaha meningkatkan lagi perdagangan Malaysia di Kenya.

## **DASAR PELABURAN LUAR NEGERI**

**11. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan** minta Menteri Kewangan menyatakan Polisi Kerajaan tentang jumlah wang Malaysia yang boleh dikeluarkan daripada negara kepada anak-anak syarikat institusi kewangan yang dipunyai oleh Kerajaan yang bergiat di luar negara.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik):** Tuan Yang Dipertua, pada masa ini dasar Kerajaan terhadap pelaburan luar negeri sama ada oleh institusi kewangan ataupun orang-orang individu adalah liberal.

Pembayaran keluar negeri untuk pelaburan adalah dibenarkan dengan bebasnya melalui bank-bank perdagangan dengan syarat pembayaran untuk pembelian saham atau harta tetap di luar negeri itu tidak melibatkan apa-apa kewangan yang dipinjam dari mana-mana institusi kewangan di Malaysia ini supaya mengelakkan pengaliran keluar kredit yang boleh didapati pada kadar faedah yang agak rendah di Malaysia ini dari digunakan bagi membiayai pelaburan di luar negeri yang boleh menghalang orang-orang lain di negara kita ini mendapat kredit untuk pelaburan dalam negeri.

Ini adalah selaras dengan dasar di mana simpanan-simpanan yang digerakkan oleh institusi-institusi kewangan di negara ini digunakan bagi menambah keupayaan keluaran dalam negeri.

## **SKIM PENDAFTARAN PESAWAH**

**12. Tuan Fadzil bin Mahmood** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada percubaan

sistem kupon untuk petani-petani di kawasan-kawasan yang tertentu telah mencapai kejayaan dan sama ada pada musim padi yang akan datang akan dilaksanakan keseluruhan kawasan padi di negara kita ini.

**Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz):** Tuan Yang Dipertua, mungkin apa yang dimaksudkan dengan percubaan sistem kupon oleh Yang Berhormat itu ialah percubaan sistem pendaftaran pesawah-pesawah bagi tujuan pemberian subsidi harga padi.

Skim pendaftaran pesawah-pesawah bagi tujuan pemberian subsidi harga padi ini sedang dijalankan secara percubaan di Sungai Baru, Kedah, di Cherang Rotan, Kelantan.

Skim ini telah pun diperluaskan ke Kodiang, Kedah dan juga Kurang Anai di Perlis. Sistem baharu yang sedang diuji ini adalah bertujuan untuk mengatasi berbagai masalah pentadbiran dan penyelewengan yang berkaitan dengan subsidi harga padi seperti yang dilaksanakan sekarang.

Sistem ini akan menjamin supaya pesawah-pesawah yang benar-benar mengusahakan sawah-sawah dan yang menjualkan hasil padi mereka sahaja yang menerima kupon subsidi dan mengelakkan pihak-pihak yang tidak berhak daripada menerima bayaran subsidi ini.

Buku Daftar akan dikeluarkan pada penyewa ataupun pesawah yang benar-benar mengusahakan sawahnya dan menjualkan hasil-hasil padi mereka di pusat-pusat belian atau saluran pemasaran yang disahkan oleh LPN. Buku Daftar yang dikeluarkan oleh LPN adalah didasarkan ke atas senarai pesawah yang berdaftar bagi pembahagian Skim Subsidi Baja, Kementerian Pertanian.

Buku Daftar tersebut diberikan kepada pesawah pada awal musim padi di mana butir-butir seperti keluasan

sawah yang diusahakan dan anggaran hasil padi diperolehi direkodkan di dalam Buku Daftar tersebut. Dengan ini nilai kupon yang patut diterima oleh pesawah-pesawah dapatlah ditentukan.

Sebagai langkah permulaan Sistem Buku Daftar telah dilaksanakan secara percubaan dimana setakat ini seramai 2,797 pesawah telah pun didaftarkan di bawah skim ini iaitu 1,858 orang di Kedah dan Perlis dan 939 orang di Kelantan.

Hasil daripada percubaan sistem ini penilaian akan dibuat mengenai kekesanannya dalam mengatasi masalah penyelewengan subsidi harga padi serta penilaian dari segi kelicinan pentadbirannya.

Setakat ini hasil daripada pelaksanaan Sistem Buku Daftar di kawasan-kawasan tersebut telah pun menampakkan kejayaan iaitu telah dapat mengesan dengan segera, kejadian-kejadian penyelewengan subsidi di kawasan itu. Umpamanya di kawasan Sungai Baru, Kedah, pihak LPN telah menahan pembayaran subsidi melebihi daripada anggaran yang sepatutnya diterima sepertimana yang tercatat di dalam Buku Daftar.

Dengan sistem ini adalah diharapkan hanya pesawah-pesawah yang benar-benar berhak sahaja akan mendapat subsidi dengan tidak melebihi kadar yang sepatutnya mengikut keluasan tanah yang diusahakan.

Adalah juga diharapkan sistem ini dapat dilaksanakan ke seluruh negara jika ianya didapati sesuai dari segi pentadbiran dan berkesan dari segi pelaksanaan terutama sekali untuk mengatasi penyelewengan-penyelewengan yang mungkin. Sebagaimana yang telah dijelaskan tadi ini bermakna pelaksanaan yang menyeluruh sistem ini tidak akan dilancarkan lagi di musim padi yang akan datang ini. Pelaksanaannya masih

di peringkat percubaan dan terhad kepada kawasan-kawasan tertentu sahaja.

**Tuan Fadzil bin Mahmood:** Tuan Yang Dipertua, saya rasa ada sedikit masalah dalam sistem pendaftaran ini. Jadi, sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi padi ini akan dijual ke pusat-pusat pembelian baharulah pusat pembelian itu dapat mendaftarkan banyak mana padi dijual di tempat-tempat pusat belian itu.

Tetapi kalau petani-petani hendak menjual padi secara sedikit-sedikit ke kedai-kedai runcit di kampung masing-masing, bagaimana kedudukan padi yang dijual kepada pekedai-pekedai runcit itu, pekedai-pekedai runcit itu akan menjual pula atas nama siapa padi itu.

**Datin Paduka Rafidah Aziz:** Tuan Yang Dipertua, sebenarnya pesawah-pesawah kita jika hendak mendapat faedah maksima daripada subsidi harga padi oleh Kerajaan tidaklah seharusnya menjual padi kepada pekedai runcit, mereka hendaklah terus menjual padi kepada sama ada ke kompleks LPN yang berdekatan ataupun kepada pembeli padi yang ditauliahkan oleh LPN yang mana di setengah kawasan terdiri daripada koperasi atau Lembaga Persatuan Peladang dan juga agen-agen yang berlesen.

Sudah pastilah kalau dijual kepada pekedai-pekedai runcit yang tidak bertauliah, maka pekedai runcit itulah yang akan mendapat faedahnya tetapi di bawah sistem pendaftaran ini, kalau pekedai itu namanya tidak ada di dalam senarai kita dan dia tidak diberi oleh LPN satu buku pendaftaran, maka apabila dia hendak menuntut kupon akan ditahan dengan segera kerana dia bukan pesawah, dia peruncit. Itulah caranya yang kita dapat kesan pekedai-pekedai seperti itu yang menipu Kerajaan dengan membeli padi

daripada petani dan cuba menjual sebagai padi mereka, tetapi yang rugi itu sama iaitu petani juga.

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Soalan tambahan. Saya ingin menyebut masalah kupon tetapi tidak masalah padi. Bolehkah Kerajaan mencadangkan untuk membuat satu rangka penggubalan seperti tadi, percubaan kupon kepada petani kelapa pula kerana kelapa ini untuk keperluan negara cukup, tetapi luar negara tak mahu kelapa kita, tetapi petani kelapa sekarang terlalu teruk dengan hasil harga kelapa. Bolehkah Kerajaan membuat satu cadangan untuk memberi kupon subsidi kepada petani-petani penanam kelapa buat sementara harga kelapa ini merosot.

**Datin Paduka Rafidah Aziz:** Tuan Yang Dipertua, pertamanya itu soalan keluar daripada soalan asal. Keduanya, saya tak jaga kelapa, Menteri Pertanian ada di belakang saya (*Ketawa*).

## SEKTOR PERTANIAN—STRATEGI MENINGKATKAN KELUARAN

**13. Tuan Mohd. Noor bin Bedah** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa sumbangan sektor pertanian untuk keluaran negara mulai menurun hingga ke paras 20% pada tahun 1980 dan pada masa yang sama kadar pertumbuhannya terus merosot yang mana menunjukkan bahawa sektor pertanian agak 'beku' tanpa pertumbuhan besar yang membimbangkan perkembangan masa depan sektor pertanian di Malaysia; jika sedar, apakah strategi dan langkah-langkah yang sedang dan akan dirancang oleh Kementerian Pertanian ke arah mengukuh pengeluaran sektor ini.

**Menteri Pertanian (Dato Abdul Manan bin Othman):** Tuan Yang Dipertua, Kementerian Pertanian memang sedar bahawa sumbangan

sektor pertanian kepada keluaran dalam negara kasar (KDNK) telah menurun hingga kepada 22% dalam tahun 1980.

Sungguhpun terdapat penurunan peratusan perkembangan sektor ini jika dibandingkan dengan lain-lain sektor, tetapi dari segi nilai sebenar sektor ini masih menunjukkan pertambahan iaitu sebanyak \$3,797 juta dalam tahun 1970, meningkat kepada \$4,804 juta, pada tahun 1975 dan kepada \$5,809 juta pada tahun 1980.

Sektor ini akan terus memainkan peranan sebagai penyumbang utama dalam menyediakan peluang-peluang pekerjaan, makanan pertukaran wang asing dan juga pembekal utama sumber dan pasaran bagi pembangunan perindustrian.

Strategi dan langkah-langkah yang sedang dan akan dirangka oleh Kementerian Pertanian ke arah mengukuhkan pengeluaran sektor ini ialah:

- (a) Mewujudkan golongan petani dan nelayan yang cekap dan berorientasikan perdagangan;
- (b) Mewujudkan perkhidmatan perkembangan yang luas dan cekap supaya petani-petani serta nelayan-nelayan dapat menambahkan lagi daya pengeluaran mereka dan meninggikan mutunya;
- (c) Mengadakan kemudahan-kemudahan kredit; dan
- (d) Menentukan kemudahan-kemudahan pemasaran.

#### LINTASAN KERETAPI— MENGADAKAN FLY-OVER

**14. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah** minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada Kementeriannya ada cadangan supaya

semua lintasan yang ada sekarang dibuat fly-over bagi mengelakkan daripada berlaku kemalangan.

**Timbalan Menteri Kerjaraya (Dato' Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman):** Tuan Yang Dipertua, adalah menjadi hasrat Kementerian saya supaya semua lintasan jalan keretapi yang ada sekarang dibuat jejambat (fly-over) bagi mengelakkan daripada berlakunya kemalangan jalan raya. Akan tetapi memandangkan kos pembinaan jejambat itu memakan belanja yang banyak, misalnya untuk mengadakan jejambat di lintasan Jalan Asam Taiping dijangka akan memakan belanja lebih daripada \$15 juta, maka pada keseluruhannya pelaksanaannya terpaksa dijalankan secara berperingkat-peringkat mengikut keutamaan dan keupayaan kewangan negara.

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Soalan tambahan. Saya tidak hendak menyentuh mengenai rel keretapi yang besar-besar, tetapi di beberapa jalan raya ada ladang-ladang yang menggunakan rel keretapi melintasi jalan raya, apabila Kerajaan kita tambak jalan itu dengan tar yang lebih tinggi rel itu sudah masuk ke dalam sampai beberapa inci. Ini menyebabkan kerosakan kepada pengguna-pengguna jalan raya terutamanya pada kereta, absorber jahanam dalam 2-3 bulan. Jadi apakah tindakan Kementerian Kerja Raya kepada tuan-tuan punya ladang yang menggunakan rel melintasi jalan raya tadi?

**Dato' Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman:** Tuan Yang Dipertua, saya tak berapa faham macam mana menggunakan rel untuk melintasi jalan daripada ladang ke seberang jalan itu?

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Ladang kelapa sawit, dia menggunakan loko untuk mengangkat kelapa sawit, jadi dia melintasi jalan

besar. Ini banyak berlaku di sepanjang jalan dalam negeri Selangor.

**Dato' Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman:** Tuan Yang Dipertua, soalan ini berkaitan dengan jalan keretapi/rel keretapi, bukan rel kereta tolak.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1984

#### Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (14hb Disember, 1983)

**Timbalan Yang Dipertua:** Saya menjemput Timbalan Menteri Penerangan menyambung jawapan.

3.26 ptg.

**Timbalan Menteri Penerangan (Dato Chan Siang Sun):** Tuan Yang Dipertua, melanjutkan kepada jawapan saya pada petang kelmarin, Yang Berhormat Puan Hasanah binti Haji Mohd. Kassim telah membangkitkan soal liputan radio tidak terang penerimaannya di dalam kawasan-kawasan pendalaman. Masalah ini telah dibangkitkan juga oleh beberapa Ahli Yang Berhormat yang lain terdahulu darinya.

Kementerian saya sedar tentang wujudnya kawasan-kawasan terpencil yang penerimaan siaran radionya belum lagi memuaskan. Oleh yang demikian, satu kajian kemungkinan khas telah diadakan dengan bantuan Japan International Corporation Agency (JICA) dengan tujuan untuk meningkatkan prestasi liputan radio di seluruh negara ini menerusi siaran FM/Mono. Pelaksanaan projek ini akan dilaksanakan berperingkat-peringkat.

Peringkat pertama meliputi tahun 1984/1985 akan melibatkan pembinaan alat-alat pemancar FM/Mono di Bukit Bakar, Kelantan, Gunung Ledang, Perak, Gunung Ulu Kali, Pahang, dan Gunung Ledang, Johor. Peringkat kedua akan diadakan di Gunung Jerai, Kedah, Bukit Maxwell, Perak, Bukit Kelapa Beruk, Negeri Sembilan, Gunung Pulau, Johor, Bukit Tinggi, Johor, Bukit Pelindung, Pahang, Bukit Buah, Terengganu dan Bukit Besar, Terengganu.

Adalah dijangkakan bahawa dengan pembinaan stesen-stesen pemancar yang tersebut, liputan siaran radio ke seluruh Semenanjung Malaysia akan lebih menyeluruh dan berkesan serta memuaskan daripada apa yang wujud sekarang. Juga dijangkakan dari segi keluasan kawasan, 95% di seluruh Semenanjung Malaysia akan dapat resepsi yang memuaskan bila projek-projek yang saya sebutkan tadi siap kelak. Projek-projek yang sama akan dilaksanakan di Sabah dan Sarawak kemudiannya.

Bagi menjawab tentang alat-alat kelengkapan Jabatan Penerangan, sememangnya pada akhirnya nanti semua unit-unit bergerak Jabatan Penerangan akan diperlengkapkan dengan alat-alat yang terdapat di dalam unit pendidikan masyarakat (Pendimas). Di dalam hal ini penyelenggaraan dilakukan secara berperingkat-peringkat. Rancangan di peringkat pertama ialah untuk memberi 64% unit Pendimas tetapi disebabkan kemelesetan ekonomi maka sehingga ini hanya 29 unit sahaja dapat diberi manakala bakinya ditangguhkan ke satu masa yang mengizinkan.

Adalah tidak dapat dinafikan bahawa kerosakan sering berlaku terutama terdapat alat kelengkapan tayang gambar. Ini tidak bermakna alat-alat itu lama atau lapuk bahkan sebaliknya alat-alat yang digunakan

sekarang ini adalah alat-alat baru yang belum diuji yang dibeli melalui kontrak pusat atau 'central contract'. Alat-alat ini di dalam proses ujian bila mana laporan penyesuaian akan dikemukakan kepada pihak-pihak kontrak pusat untuk menentukan jenis-jenis kelengkapan yang sesuai bagi pembelian akan datang. Jabatan Penerangan menyambut baik rancangan Pandang Ke Timur. Rancangan lawatan sambil belajar bagi memperluaskan pandangan pegawai-pegawai keseluruhan rantau ASEAN, ke Korea dan Jepun telah pun dikemukakan ke pihak yang bertanggungjawab untuk pertimbangan yang wajar.

Tuan Yang Dipertua, bagi menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Senator Abdul Razak bin Abu Samah mengenai siri PJ atau Puspa Johan (bukan Petaling Jaya) yang kononnya tidak ubah seperti Dallas. Ini adalah tidak benar. Walaupun format penerbitan dan persembahan siri ini ada imbas-imbasan seperti Dallas tetapi watak serta isu-isu dan nilai-nilai yang dipaparkan dalam siri drama ini adalah membayangkan suasana masyarakat Malaysia berbilang bangsa yang wujud pada masa ini. Ianya mempersoalkan masalah-masalah seperti penghijrahan masyarakat desa ke bandar-bandar serta penyesuaian cara hidup dan sikap yang berlaku akibat darinya. Ianya juga membentangkan ciri sosio-ekonomi di dalam masyarakat Malaysia berbilang kaum yang sedang membangun dan ia mendedahkan percanggahan antara nilai-nilai kebaratan dan ketimuran. Ini adalah setengah dari nilai-nilai yang dipaparkan menerusi siri rancangan dari nilai-nilai yang dipaparkan menerusi siri rancangan PJ yang bertentangan dengan nilai kebendaan semata-mata yang dipaparkan ke dalam siri Dallas. Sebaliknya pula siri Dallas tidaklah harus dipandang dari segi nilai sosialnya mahupun nilai

moralnya kerana siri ini adalah mencerminkan cara hidup masyarakat di Amerika Syarikat sendiri. Siri ini adalah siri hiburan yang tidak membayangkan cara hidup yang sebenarnya dan harus diterima semata sebagai hiburan, dan tidak sebagai ukuran tentang cara hidup yang diamalkan.

Akhir kata, sekali lagi saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan-pandangan, cadangan-cadangan kepada Kementerian Penerangan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang Dipertua:**  
Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

3.35 ptg.

**Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Rais Yatim):** Tuan Yang Dipertua, saya mengucapkan terima kasih terutamanya kepada Datuk Yang Dipertua kerana memberi izin bagi saya untuk menjawab beberapa soalan dan juga perkara yang telah sempat dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa membahaskan Belanjawan di Dewan yang mulia ini.

Pertamanya, Yang Berhormat Senator Haji Ariffin bin Haji Salleh telah membangkitkan perkara berkait dengan tanah terbiar yang tidak diusahakan oleh rakyat dan beliau mencadangkan bahawa Kementerian Kemajuan Tanah mengambil langkah-langkah tertentu supaya tanah-tanah yang terbiar di seluruh negara dapat dimajukan. Suka saya menyatakan bahawa tanggungjawab memulihkan tanah pertanian terbahagi kepada dua tanggungjawab yang dipikul oleh dua Kementerian. Bagi tanah bukan sawah, ianya adalah dipertanggungjawab kepada Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, dan

tanah sawah atau bendang dipertanggungjawabkan kepada Kementerian Pertanian.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, terdapat kira-kira 569,132 hektar tanah terbiar di seluruh Semenanjung. Usaha-usaha untuk memulihkan tanah terbiar telah dan sedang dilaksanakan oleh FELCRA. Di bawah program ini sahaja FELCRA telah berjaya memulihkan kawasan seluas kira-kira 24,561 hektar yang memberi faedah kepada kira-kira 10,229 keluarga peserta.

Selain dari dua sebab sebagaimana Yang Berhormat nyatakan, pemilik tanah berkenaan adalah 'orang yang berada' atau mempunyai sumber pendapatan lain dan orang yang kurang berusaha atau tiada mempunyai sumber pendapatan lain. Sebenarnya banyak lagi sebab-sebab yang wujud yang menyebabkan tanah terbiar seperti kawasan tanah yang tidak cukup keluasannya akibat telah berlaku pecahan milik, tidak ada tenaga untuk mengerjakannya, pemilik tanah telah pergi ke tempat lain, kekurangan modal, berlakunya pertikaian keluarga atau perselisihan faham antara pemilik-pemilik dan waris.

Kementerian saya melalui FELCRA akan cuba melipatgandakan lagi usaha-usaha pemulihan tanah-tanah terbiar di kampung-kampung tradisional di mana terdapat keperluan untuk memulihkan dari segi ekonomi yang terjamin. Walau bagaimanapun, usaha-usaha ini tentunya akan memakan masa bagi melaksanakannya. Jika persetujuan telah diperolehi kaedah pelaksanaan pemulihan secara pertanian Kooperatif Perladangan Bersama dan pemulihan lot demi lot bagi kawasan-kawasan yang berselerak dan bertaburan akan dilaksanakan. Adalah diharapkan dengan kaedah pelaksanaan sedemikian masalah seperti kekurangan tenaga kerja, kekurangan

modal, penghasilan tidak ekonomik dan berbagai lagi boleh mewujudkan tanah-tanah terbiar dan akan dapat diatasi seterusnya. Demi untuk menjamin kejayaan ini sokongan dari segenap lapisan masyarakat amatlah diperlukan.

Y. B. Senator Tuan Shaharom bin Maasom telah membangkitkan beberapa masalah berhubung dengan kemudahan-kemudahan asas di rancangan FELDA seperti jalan, bekalan letrik dan lain-lain. Untuk makluman Y. B. Senator, sesungguhnya Kementerian ini sentiasa menekankan atas usaha untuk melengkapkan kemudahan-kemudahan asas bagi peneroka-peneroka FELDA di seluruh Tanahair. Tetapi sebagaimana kita maklum jua keadaan ekonomi negara adalah di peringkat yang memerlukan persefahaman dan apatah lagi ianya memerlukan pertimbangan yang baru menerusi ongkosan atau perbelanjaan bagi projek-projek. Oleh itu, sekim-sekim FELDA yang lebih dari lima tahun diberi perhitungan dan pertimbangan yang utama atau, dengan izin, priority. Sekim-sekim FELDA yang terkebelakangan adalah mengganggu giliran masing-masing.

Sehingga sekarang kita mempunyai 217 buah rancangan yang berpeneroka yang melibatkan kira-kira 81,000 orang peneroka yang mana kesemua rancangan memerlukan berbagai kemudahan-kemudahan asas yang sepatutnya dibekalkan seperti air, letrik, jalanraya, sekolah, klinik dan lain-lain. Menyedari hakikat inilah maka Kementerian saya telah menubuhkan satu Jawatankuasa Penyelaras Kemudahan Awam yang bertujuan untuk menyelaraskan serta melicinkan persediaan projek-projek kemudahan awam di semua agensi-agensi Kementerian termasuk FELDA. Bagi FELDA tindakan Jawatankuasa tersebut tentunya

merupakan satu pertolongan yang besar dan bagi peneroka-peneroka ianya merupakan satu tempat bergantung. Jawatankuasa ini adalah dihadiri dan wakili kementerian-kementerian yang berkaitan dengan membekalkan kemudahan-kemudahan asas. Pegawai-pegawai tertinggi Kementerian-kementerian tersebut adalah mewakili pihak-pihak berkenaan dan mereka adalah diperlukan memberi mandat yang sepenuhnya untuk diputuskan di peringkat Jawatankuasa tersebut.

Datuk Yang Dipertua, menyentuh masalah peruntukan bekalan-bekalan asas ini bagi tahun 1984, sebanyak 7 projek atau rancangan diperakukan mendapat bekalan letrik dengan anggaran kos sebanyak lebih kurang \$9.5 juta, tetapi oleh kerana constraint kewangan dan peruntukan maka hanya \$5 juta dapat dibelanjakan bagi tahun 1984 bagi projek tersebut. Walau bagaimanapun, Jawatankuasa Bertindak yang berkenaan seperti yang disebutkan sebentar tadi akan terus cuba untuk mengatasi masalah bekalan-bekalan asas ini dari masa ke semasa.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Shaharom bin Maasom juga telah menyentuh tentang perjanjian di antara pihak FELDA dengan peneroka ketika akan memasuki rancangan FELDA mengenai hutang-hutang yang terkena ditanggung oleh peneroka dan juga dakwaan bahawa hubungan antara pengurus dan peneroka adalah memerlukan perhatian.

Berhubung dengan hutang-hutang di peringkat awal peneroka memasuki rancangan, kita tidak menyediakan kepada mereka penyata tentang jumlah hutang yang terkena ditanggung. Ini adalah kerana penyata lengkap hutang sebenarnya hanya dapat disediakan oleh pihak FELDA untuk setiap peneroka setelah kira-kira

hutang peneroka berkenaan ditutup. Bagi rancangan-rancangan sawit kira-kira hutang mereka ditutup setelah peneroka-peneroka berkenaan memasuki peringkat sistem blok dan pada masa inilah penyata khas berkenaan dengan hutang tanggungan mereka akan diberikan melalui Penyata Hutang Khas. Manakala bagi rancangan-rancangan getah pula kira-kira hutang mereka akan ditutup setelah pokok getah dapat ditoreh dan dalam masa yang sama penyata lengkap tentang hutang akan diberikan. Walaupun sedemikian keadaannya, FELDA telah pun diarah supaya sentiasa memaklumkan keadaan ataupun paras hutang-piutang para peneroka sekurang-kurangnya bagi melengkapkan pengetahuan kehidupan mereka sehari-hari.

Berhubung dengan dakwaan hubungan antara pengurus dan peneroka, hal ini adalah sesungguhnya dalam makluman Kementerian dan satu Kanun Athika telah pun dikeluarkan oleh Kementerian bagi dipatuhi oleh pengurus dan para peneroka. Di dalam Kanun Athika ini telah ditentukan bahawa setiap pengurus rancangan hendaklah merapatkan diri dengan masyarakat peneroka, mengenai keluarga-keluarga peneroka dan sentiasa mewujudkan suasana harmonis dan saling faham-memahami dan sokong-menyokong di antara satu sama lain. Pengurus FELDA juga telah diarah supaya memberi laporan kepada Kementerian terus untuk menyatakan tahap pencapaian socialisation antara pengurus dan pihak-pihak yang diurus di peringkat rancangan. Syukur, Alhamdulillah setakat ini tidak ada berita-berita atau peristiwa-peristiwa yang menyedihkan berlaku antara peneroka-peneroka dengan pengurus atau sebaliknya antara pengurus dengan peneroka-peneroka.

Yang Berhormat juga selanjutnya telah membangkitkan mengenai

projek-projek yang bertindih dan peranan RISDA di dalam sektor menanam semula getah di seluruh tanah air. Sesungguhnya diakui bahawa awal tahun 1983 ini telah dijalankan berbagai ikhtiar oleh Kementerian bagi menyusun semula aspek-aspek pentadbiran, pembangunan dan kemasyarakatan yang dikendalikan oleh RISDA. Antaranya ialah menyusun semula pentadbiran, menilai dan menyusun semula syarikat anak di bawah RISDA dan menilai semula projek-projek tanaman semula termasuk Sepentas, bekalan in-put pertanian, kimia dan lain-lain. Setelah didapati bahawa kekurangan-kekurangan ini wujud dan setelah ditemui bahawa ada projek-projek yang memerlukan penilaian semula, maka pertindihan seperti yang disebutkan itu telah dapat diatasi, malah pada masa ini skim Sepentas akan diteruskan mulai Januari 1984 dengan sedikit ubahsuai. Berhubung dengan kes-kes rasuah ianya telah diambil tindakan oleh pihak berkuasa. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga ini 5 kes telah dibawa ke mahkamah menerusi perkara yang berkaitan dengan RISDA dan juga urusan-urusan resmi yang melibatkan berbagai-bagai peringkat dan pihak di dalam pentadbiran.

Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Maasom seterusnya telah membangkitkan mengenai tanah yang mana ianya bolehlah saya rumuskan di dalam dua aspek:

- (1) Masalah untuk mendapatkan tanah Kerajaan oleh orang perseorangan.
- (2) Permohonan Pengambilan Balik Tanah untuk projek pembangunan yang juga dikatakan mengambil masa yang lama. Mengenai masalah mendapatkan tanah-tanah Kerajaan, sukalah saya menjelaskan bahawa tugas ini

adalah terletak pada bidang tugas dan bidang kuasa Kerajaan Negeri. Memang ada benarnya kenyataan yang diberi oleh Yang Berhormat itu pada masa-masa yang lampau. Walau demikian pun, Kerajaan Persekutuan telah berunding menerusi Majlis Tanah Negara dan menentukan beberapa prinsip agar sistem dan proses melayani permohonan-permohonan termasuk tukar syarat, belah-bagi dan sebagainya berjalan dalam tempoh yang lebih singkat. Panduan ini telah pun dipatuhi oleh Kerajaan Negeri dan didapati bilangan kes-kes yang terkebelakangan telah dapat diatasi oleh pihak berkuasa dalam tempoh yang lebih singkat.

Mengenai soalan kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ialah mengenai kelewatan permohonan pengambilan balik sesuatu tanah untuk tujuan pembangunan.

Tuan Yang Dipertua, perlu diterangkan di sini bahawa permohonan pengambilan tanah terpaksa dilakukan oleh Kerajaan Negeri mengikut prosedur yang tertentu, iaitu sesuatu tanah yang hendak diambil perlulah diwartakan terlebih dahulu dan perbicaraan hanya boleh diadakan selepas 21 hari dari tanah itu digezatkan. Ini bermakna masa yang sehabis-habis singkat untuk pengambilan balik sesuatu tanah ialah tidak kurang dari 6 bulan. Jawatankuasa Kabinet mengenai langkah-langkah mempercepatkan pelaksanaan projek-projek pembangunan telah pun mengkaji dari segi semua aspek dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan dan urusan pengambilan balik tanah. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan supaya setiap

permohonan pengambilan balik tanah perlulah diselesaikan dalam tempoh 6 bulan hingga ke setahun.

Kementerian Kemajuan Tanah sedar yang Akta Pengambilan Balik Tanah yang ada sekarang boleh lagi diperbaiki untuk mengemaskan lagi proses pengambilan tanah dan Kementerian telah pun mengambil langkah untuk meminda beberapa seksyen dari Akta tersebut. Cadangan pindaan ini telah pun saya bantangkan di persidangan Dewan Rakyat baharu-baharu ini dan saya akan membentangkan, insya Allah, Akta tersebut dalam sidang Dewan Negara yang mulia ini mengikut agenda yang telah disusun. Di antara pindaan-pindaan yang akan dibuat ialah mengenai sesuatu tanah itu perlulah diselesaikan permohonan pengambilan balik tanah tidak lewat dari 2 tahun, selepas dari tarikh 2 tahun jika tidak selesai permohonan pengambilan tanah itu ianya akan terbatal dengan sendiri. Pindaan lanjut akan saya umumkan kemudian.

Tuan Yang Dipertua, Yang Berhormat Senator Puan Nen Abidah binti Abdullah pula telah membuat ulasan terhadap penyalahgunaan wang yang banyak oleh agensi-agensi dan salah satu daripada agensi adalah RISDA, kata beliau.

Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ini adalah berkaitan dengan berbagai-bagai aspek penyusunan semula yang sebahagian daripada usaha ini telah pun diumumkan. Sebuah anak syarikat RISDA juga telah dikaitkan dengan perkara pengubahsuaian ini, yakni Syarikat Perbadanan Pembangunan Pekebun Kecil. Saya tidak menafikan perkara tersebut tetapi perlu menyatakan bahawa langkah-langkah setimpal telah pun diambil oleh pihak berkuasa dan intipan serta kajian yang paling rapi telah diadakan terhadap pihak-pihak berkenaan termasuk

syarikat tersebut. Pada masa ini cadangan Yang Berhormat selanjutnya ialah untuk mendapatkan seorang Pegawai Tadbir yang boleh mengawal perjalanan pentadbiran RISDA supaya ianya berjalan dengan licin dan sempurna. Perkara ini telah pun diambil kira dan Ketua Pengarah yang baharu telah pun dilantik oleh Kerajaan bagi memikul tanggungjawab yang berkenaan. Saya penuh yakin dan percaya bahawa penyusunan semula itu setelah berjalan hampir-hampir setahun akan memberi kesan yang positif yang dapat kita lihat menjelang akhir tahun 1983 ini dan pekebun-pekebun kecil telah pun dimaklumkan berhubung dengan perkara tersebut.

Yang Berhormat Senator Dato' Wong Seng Chow telah menyentuh tentang mengadakan undang-undang untuk menghalang kaum asing dari membeli tanah kecuali untuk maksud tertentu.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Kerajaan sedang menimbang cadangan menyemak semula Kanun Tanah Negara. Satu daripadanya ialah peruntukan-peruntukan yang dicadangkan dalam penyemakan tersebut ialah untuk menyekat pemilihan tanah oleh warganegara asing dan syarikat-syarikat asing, kecuali tanah-tanah bagi kegunaan industri dan pengecualian-pengecualian khas tertentu yang lain. Kerajaan kita telah pun memutuskan supaya dapat mencapai satu garis panduan hal ini akan dibawa semula ke Majlis Tanah Negara dan setelah itu dibentangkan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang Dipertua, dengan penjelasan sedikit sebanyak itu saya sekali lagi mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sempat menyentuh tentang pentadbiran serta perjalanan beberapa perkara dan agensi di bawah Kementerian saya.

**Timbalan Yang Dipertua:** Jemput Menteri Pertanian.

3.50 ptg.

**Menteri Pertanian (Dato' Abdul Manan bin Othman):** Tuan Yang Dipertua, terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua Yang Berhormat Senator yang telah memberi perhatian terhadap Kementerian Pertanian. Semua buah fikiran dan pandangan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut akan diambil kira dalam penggubalan dan pelaksanaan dasar pembangunan pertanian di bawah Kementerian saya. Saya tidak akan menyentuh satu persatu soalan-soalan yang dikemukakan tetapi saya akan memberi penerangan secara am mengenai isu-isu yang telah disuarakan itu.

Saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa dasar utama Kementerian ialah untuk meningkatkan pendapatan dan taraf hidup petani-petani dan nelayan-nelayan di negara kita ini dengan cara meningkatkan daya pengeluaran mereka. Dalam usaha pengeluaran padi adalah menjadi dasar Kerajaan supaya penanaman padi adalah bagi menampung sebahagian besar daripada keperluan negara dan tidak 100% seperti yang diutarakan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat. Dasar ini telah ditetapkan memandangkan bahawa kos pengeluaran padi di negara kita ini adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan kos pengeluaran di negeri-negeri yang lain. Sungguhpun kos pengeluarannya adalah tinggi, dasar ini telah digubal memandangkan bahawa beras adalah bahan makanan strategik di negara ini. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan sentiasa menentukan bahawa bekalan makanan ini adalah mencukupi setiap masa.

Bagi tanaman kelapa, Kerajaan telah mengubahsuai dasar pengeluaran

kelapa supaya ditanam hanya setakat mencukupi permintaan dalam negeri sahaja, memandangkan bahawa masa depan industri kelapa dijangka tidak begitu cerah dengan adanya persaingan daripada minyak-minyak sayuran yang lain di pasaran antarabangsa termasuk saingan dari kelapa sawit sendiri dan pulangan kepada pekebun-pekebun kecil kelapa adalah tidak memuaskan. Oleh itu, pekebun-pekebun kelapa adalah digalakkan untuk menanam koko sebagai tanaman selingan kepada kelapa supaya pendapatan pekebun-pekebun kecil adalah lebih lumayan. Di samping itu Kerajaan akan juga menggalakkan penanaman koko secara besar-besaran untuk menjadikan koko sebagai komoditi eksport yang ketiga dengan mutu yang tinggi bagi negara ini selain daripada getah dan kelapa sawit.

Selanjutnya, Kementerian adalah sedar betapa pentingnya pengkhususan tanaman mengikut kesesuaian tanah dan cuaca. Kementerian telah menyediakan satu laporan yang dilengkapi dengan peta pengezonan tanaman mengikut kesesuaian tanah dan cuaca. Usaha-usaha akan diambil untuk menggalakkan dan memberikan nasihat kepada petani-petani mengusahakan jenis tanaman yang sesuai mengikut pelan pengezonan itu. Sebagai permulaan jenis tanaman buah-buahan akan digalakkan mengikut pengezonan. Pengezonan tanaman yang telah ditentukan itu bukan sahaja dapat menambahkan pengeluaran tanaman tetapi juga memudahkan pemasaran dan rancangan tanaman buah-buahan besar-besaran secara sistematik dan lebih menguntungkan dari segi logistik. Matlamatnya ialah supaya petani-petani mendapat pendapatan yang sepenuhnya.

Berkaitan dengan cadangan daripada Yang Berhormat Senator Ragayah Ariff, bagi menentukan

pendapatan petani dan nelayan adalah di atas paras garis kemiskinan, maka Kerajaan juga telah menyediakan rancangan subsidi tertentu bagi mereka ini. Walau bagaimanapun, pemberian subsidi ini perlulah diawasi dengan rapi dan nasihat diberi kepada penerima subsidi ini. Petani-petani di seluruh negara diberi nasihat bukan sahaja atas pemilihan jenis-jenis tanaman tetapi juga jenis-jenis baja yang sesuai, dan mengikut sistem bertani yang menguntungkan. Tidak dinafikan ada di antara kalangan beratus-ratus ribu petani ada segelintir petani-petani yang tidak menggunakan baja subsidi yang diberikan dengan sepenuhnya. Ini berlaku atas beberapa sebab yang kadangkala di luar dugaan petani itu sendiri, kerana berlaku musim kemarau yang mana baja-baja itu tidak dapat digunakan pada masanya. Namun begitu baja itu dapat digunakan pada musim yang akan datang. Pendeknya Kerajaan telah memikirkan dasar-dasar pertanian yang moden dan dinamik dan Dasar Pertanian Negara telah digubal dan akan diumumkan tidak berapa lama lagi.

Menyentuh tentang tanaman jagung di Terengganu, sehingga ini sejumlah 3,419 hektar telah ditanam di mana 2,329 hektar diusahakan oleh FIMA di kawasan tanaman utama ialah di Ru Tapai dan Gong Kiong di Besut. Penanaman nangka di Terengganu dibuat secara projek dusun kelompok yang meliputi kawasan 183 hektar di daerah Besut.

Tuan Yang Dipertua, mengenai cadangan Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Maasom supaya nama Pertubuhan Peladang digantikan kepada Perkumpulan Tani, oleh kerana istilah peladang tidak terhad kepada petani-petani miskin tetapi meliputi peladang yang kaya, saya suka memaklumkan bahawa seperti yang telah saya nyatakan awal-awal tadi adalah hasrat Kerajaan untuk

meningkatkan pendapatan dan taraf hidup petani-petani ini ke peringkat melebihi garis kemiskinan dan jikalau boleh menjadikan mereka petani-petani yang kaya. Untuk mencapai hasrat ini Ahli-ahli Lembaga Pengarah adalah dilantik bukan sahaja dari golongan petani-petani tetapi juga dari golongan pengusaha-pengusaha. Tetapi ini bukanlah bermakna bahawa mereka akan menggunakan kuasa mereka bagi kepentingan mereka sendiri semata-mata kerana perlantikan mereka adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan yang tertentu iaitu melalui pencalonan yang mesti diluluskan di dalam Mesyuarat Agung yang diadakan dua tahun sekali. Bilangan yang dilantik ialah seramai 7 orang di peringkat kawasan, 9 orang di peringkat negeri dan 11 orang di peringkat kebangsaan. Menteri Pertanian pula adalah diberi kuasa menambah lagi 4 orang sekiranya difikirkan perlu. Setiap ahli yang dilantik merupakan suatu amanah kepada Ahli Jemaah Pengarah dalam mentadbir Pertubuhan Peladang supaya menjadi maju dan berjaya.

Di samping menentukan bahawa Pertubuhan Peladang adalah satu institusi yang teguh dan berjalan dengan lancar, Kementerian Pertanian mengambil perhatian yang berat di dalam menentukan peladang-peladang mendapat kepimpinan yang betul. Melalui Lembaga Pertubuhan Peladang, berbagai bidang latihan diberikan kepada ahli peladang dan pemimpin peladang, seperti di bidang perkerjasama, kepimpinan, pengurusan, lawatan sambil belajar dan lain-lain. Hal ini juga diperkuatkan dengan meningkatkan kecekapan pegawai-pegawai Lembaga Pertubuhan Peladang di semua peringkat melalui latihan yang lebih profesional.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Shaharom juga telah mencadangkan supaya Pegawai Pertanian yang

berkelulusan tinggi ditempatkan di peringkat daerah. Syor ini adalah satu syor yang amat baik dan telah dipraktikkan di kebanyakan daerah terutamanya di daerah-daerah yang kawasannya luas dan peranan utama mereka ialah untuk mengawasi program dan aktiviti pertanian yang dijalankan di daerah-daerah berkenaan. Perlu dinyatakan bahawa jawatan-jawatan Pegawai Pertanian Daerah adalah di bawah kuasa Kerajaan-kerajaan Negeri. Mengenai liputan di peringkat kawasan pula, sukacita dimaklumkan bahawa bilangan keluarga tani yang diliputi oleh seorang Juruteknik Pertanian ialah di antara 600-800 keluarga tani dan bukan 200.

Mengenai masalah jentera pembajakan yang tidak mencukupi dan selalu rosak, pihak Kementerian mengambil perhatian berat di atas perkhidmatan kejenteraan dan pengangkutan ini. Projek kejenteraan ini dilaksanakan oleh Pusat Mekanisasi Pertanian yang dikendalikan oleh Lembaga Pertubuhan Peladang. Beberapa langkah yang pesat sedang diambil dalam meningkatkan perkhidmatan pembajakan, menuai dan pengangkutan. Pembekalan jentera-jentera ini adalah diteliti dengan sempurna oleh Kementerian ini dalam menjamin perkhidmatan yang memuaskan.

Tuan Yang Dipertua, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ariffin Salleh telah menyeru agar Bahagian Penguatkuasaan di Jabatan Perikanan mengambil tindakan tegas ke atas nelayan-nelayan asing yang mencerooboh masuk ke kawasan penangkapan ikan di negara ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pertanian adalah sedar bahawa Bahagian Penguatkuasa Jabatan Perikanan tidak berupaya untuk menguatkuasakan Akta Perikanan 1963 sepenuhnya

disebabkan kemampuan kapal ronda Jabatan Perikanan untuk meronda di laut dalam adalah sangat terbatas. Oleh yang demikian Kementerian telah mendapat kerjasama sepenuhnya daripada Polis Marin dan juga Tentera Laut di Raja Malaysia untuk meronda kawasan-kawasan di mana Jabatan Perikanan tidak ada keupayaan.

Tuan Yang Dipertua, akhirnya saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Fadzil Mahmood mengenai pembaziran air di kawasan MUDA. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian memang ada mengambil langkah-langkah perlu untuk mengatasi berlakunya pembaziran air terutama di masa tanaman padi di luar musim. Apabila perlu pam-pam bergerak selalunya digunakan untuk mengepam air dari parit-parit buang untuk menampung keperluan air bagi kawasan-kawasan yang tidak mendapat air dari taliair-taliair. Selain dari pam-pam bergerak ini, Kementerian juga ada mengadakan pam-pam yang dapat mengepam air dari parit-parit masuk ke dalam taliair sebelum diagih-agihkan ke kawasan sawah.

Tuan Yang Dipertua, akhirnya saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat atas perhatian yang diberikan terhadap Kementerian Pertanian. Kerajaan sentiasa mengambil perhatian yang berat terhadap pembangunan sektor pertanian demi untuk meninggikan lagi taraf hidup dan pendapatan petani-petani dan nelayan-nelayan kecil.

**Timbalan Yang Dipertua:**  
Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

4.02 ptg.

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze):** Tuan Yang Dipertua, terlebih dahulu saya ingin

mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh sedikit sebanyak, sama ada secara langsung atau tidak, ke atas fungsi-fungsi Kementerian saya dan kepada mereka yang telah memberi cadangan atau teguran yang membina, ingin saya memaklumkan bahawa cadangan-cadangan tersebut akan diberi pertimbangan oleh Kementerian saya.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, zaman ini ialah zaman sains dan teknologi di mana sains dan teknologi merupakan satu alat untuk memodenkan cara kehidupan kita serta membawa kemajuan dan kemakmuran. Adalah dinyatakan di dalam Rukunegara bahawa masyarakat Malaysia akan dibina berasaskan sains dan teknologi moden.

Dalam hubungan ini, usaha-usaha akan diambil untuk meneruskan peranan fungsi Kementerian saya untuk memajukan dan menggalakkan perkembangan sains dan teknologi serta meningkatkan taraf pengusaha-pengusaha tempatan di samping menjamin segala kemajuan kebendaan itu tidak mendatangkan kesan yang negatif ke atas alam sekeliling dan kehidupan rakyat kita.

Kementerian saya dan agensi-agensinya di bawahnya juga menjalankan fungsi sebagai sebuah agensi Kerajaan yang memberi khidmat kepada lain-lain agensi Kerajaan sama ada di peringkat Persekutuan atau peringkat Negeri.

Di dalam usaha-usaha untuk menambahkan lagi peranan sains dan teknologi di negara ini, Kementerian saya sedang mengkaji soal untuk memperkukuhkan lagi sistem pengurusan sains dan teknologi. Usaha-usaha seperti mengadakan sistem penyelarasan di antara agensi-agensinya, tambahan keupayaan pengurusan dengan menggunakan komputer dan juga usaha-usaha untuk

menggalakkan penyelidikan di negara ini sedang diperkembangkan.

Kementerian saya juga akan terus menggalakkan kepentingan sains dan teknologi dengan mengadakan aktiviti-aktiviti yang melibatkan pelajar-pelajar, belia-belia dan khalayak ramai. Aktiviti-aktiviti itu akan termasuk mengadakan Pusat Pamiran Sains, Pusat Maklumat dan Dokumentasi Sains dan Teknologi dan lain-lain aktiviti yang akan memperkukuhkan sains dan teknologi di dalam negara kita.

Kementerian saya telah pun mengambil perhatian terhadap kepentingan informasi kepada penyelidikan dan industri perkilangan. Dalam hal ini, SIRIM akan terus menjadi pusat informasi teknologi dan kemudahan yang ada akan diselaraskan dan ditambahkan lagi supaya ia dapat memainkan peranan yang lebih berkesan.

Berkaitan dengan ini juga, penubuhan sebuah Pusat Informasi dan Dokumentasi Paten telah pun diluluskan dan adalah diharap pusat ini dapat dimulakan pada tahun hadapan. Dengan adanya kemudahan ini, industri perkilangan dan golongan cerdik pandai di negara kita akan dapat melibatkan diri di dalam bidang inovasi, pembaharuan dan ciptaan sains dan teknologi.

Beralih kepada masalah pencemaran alam sekeliling, ingin saya menyatakan bahawa masalah tersebut tidaklah mempunyai penyelesaian yang serta-merta oleh kerana ia adalah sungguh kompleks, dan penyelesaiannya adalah juga begitu kompleks dan memakan belanja yang tinggi serta tempoh masa yang panjang.

Dalam konteks Malaysia, pengurusan alam sekeliling hendaklah diuruskan dengan tujuan memajukan pertumbuhan ekonomi dan peluang-peluang pekerjaan serta pembahagian

pendapatan yang saksama kepada semua rakyat untuk memperbaiki kualiti kehidupan. Dalam pada itu, strategi kita ialah untuk melindungi alam sekeliling serta menuju ke hadapan untuk mencapai pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara.

Walaupun demikian, satu seimbangan yang bijak hendaklah diwujudkan supaya pembangunan fizikal akan terus berjalan dengan tidak membawakan kesan-kesan yang buruk ke atas alam sekeliling negara kita. Pendek kata, pembangunan kita hendaklah bercorak pembangunan yang dirancang dengan teratur (planned development).

Usaha untuk membina suatu alam sekeliling yang selesa bukanlah hanya tugas Kerajaan. Usaha itu ialah usaha kita bersama dan hendaklah melibatkan semua lapisan masyarakat. Rakyat hendaklah mempunyai sikap yang sivik dan bekerjasama dengan Kerajaan untuk mewujudkan suatu alam sekeliling yang sempurna.

Rakyat dan Kerajaan hendaklah berganding bahu dan bersama-sama berusaha untuk mewujudkan satu alam sekeliling yang bukan sahaja memelihara kehidupan, tetapi juga memperkayakan kehidupan kita dengan mengadakan kehidupan harmoni di antara ciptaan manusia dengan alam semulajadi demi kebaikan rakyat dan negara.

Sebagai penutup, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyatakan sekali lagi bahawa Kementerian saya dan agensi-agensinya iaitu SIRIM, Jabatan Kimia, Perkhidmatan Kajiucaca Malaysia, Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman-taman Negara akan terus memberi khidmat dan jasa kepada rakyat dan negara dengan sebolehnya di dalam lingkungan

peruntukan yang diuntukkan bagi Kementerian saya. Saya yakin Kementerian saya dan agensi-agensinya akan dapat memberi sumbangan yang besar dan penting demi kemakmuran rakyat dan kemajuan negara.

Akhir sekali, Tuan Yang Dipertua, suka saya menyatakan di sini bahawa lain-lain perkara yang telah dibangkitkan, sama ada secara langsung atau tidak, sewaktu perbincangan ini tetapi tidak disentuh dalam ucapan saya, akan diberi perhatian rapi oleh Kementerian saya.

**Timbalan Yang Dipertua:**  
Kementerian Kesihatan.

4.10 ptg.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):** Tuan Yang Dipertua, saya juga mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara di bawah Kementerian Kesihatan dan suka saya menjawab teguran-teguran yang dibangkitkan itu oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat di atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1984 di Dewan yang mulia ini.

Berkenaan dengan saranan dari Yang Berhormat Senator Puan Hasnah binti Haji Mohd. Kassim supaya disegerakan pembinaan Hospital Daerah yang baru di Kuala Berang, suka saya memaklumkan bahawa sungguhpun Kementerian saya telah meluluskan projek untuk membina Hospital Daerah yang baru di Kuala Berang, Ulu Terengganu, tetapi ianya terpaksa ditangguhkan memandangkan keadaan ekonomi negara sekarang. Suka juga saya menjelaskan di sini bahawa tidak ada rancangan untuk menyerahkan projek ini kepada pihak swasta.

Beberapa teguran telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Haji Shaharom bin Maasom, Kementerian

saya memang sedar bahawa keadaan bangunan hospital-hospital daerah seperti Hospital Daerah Batu Pahat, Hospital Daerah Kota Tinggi dan Hospital Daerah Kajang adalah lama. Oleh itu, selain daripada kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan bangunan yang biasa Kementerian saya telah pun menyiapkan beberapa bangunan baru di hospital-hospital tersebut seperti:

- (a) Blok Klinik Pakar-pakar, Wad Bersalin dan Wad Kelas 3 di Hospital Daerah Batu Pahat.
- (b) Memperbaiki Wad Kanak-kanak, Wad Kelas 2 (Perempuan), Wad Bayi dan pengubahsuaian Wad Bersalin di Hospital Daerah Kota Tinggi.
- (c) Blok Wad 4 tingkat dapur baru, Dewan Bedah, Stor Perubatan dan Rumah Mayat di Hospital Daerah Kajang.

Di samping itu Kementerian saya juga mempunyai projek dalam Rancangan Malaysia Keempat yang masih dalam peringkat perancangan di Hospital-hospital Daerah tersebut seperti:

- (1) Sambungan gedung ubat Jabatan Pesakit Luar, Stor Perubatan baru, Unit Pemulihan Anggota dan lain-lain di Hospital Daerah Batu Pahat.
- (2) Rumah Mayat baru, Stor Perubatan baru, Asrama Jururawat baru di Hospital Daerah Kota Tinggi.
- (3) Blok Wad 4 tingkat yang kedua, Unit Bersalin baru, Blok Pentadbiran dan Jabatan Pesakit Luar baru di Hospital Daerah Kajang.

Pembaikan bangunan lama dan pembinaan bangunan-bangunan baru bagi lain-lain Hospital Daerah yang lama juga berada dalam perhatian dan pertimbangan Kementerian saya.

Mengenai penyalahgunaan Pembancuh Ubat mencampur-campurkan ubat-ubat yang salah untuk menghasilkan dadah-dadah merbahaya, saya tidak sedar ianya berlaku, kerana Pembancuh Ubat di Jabatan Farmasi di hospital-hospital adalah dijalankan mengikut rumusan yang spesifik dan di bawah penyeliaan Ahli Farmasi. Kemungkinan campuran menghasilkan dadah-dadah merbahaya sepertimana yang terdapat di makmal-makmal haram tidak mungkin dapat dilakukan di hospital-hospital kerana kimia-kimia untuk proses itu tidak terdapat dalam Jabatan Farmasi hospital.

Bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat seterusnya, berkenaan kebakaran bilik simpanan ubat dan barang-barang hospital untuk pelupusan di satu bangunan lama dalam Hospital Besar Kelang pada 20hb, tahun 1977 jam 7.15 petang itu, butir-butir lanjut adalah seperti berikut:

“Kerugian barang-barang ditaksirkan lebih kurang \$11,300. Kebakaran itu berpunca dari, dengan izin, electrical short circuit. Pada akhir pertimbangan perkara ini oleh Kementerian Kewangan didapati tidak ada pegawai atau kakitangan patut dipertanggungjawabkan atas kebakaran itu.”

Menyentuh tentang persoalan berkenaan apa yang dikatakan demonstrasi oleh doktor-doktor, sukalah saya terangkan bahawa kajian kita sejauh ini hanya menunjukkan bahawa telah terdapat beberapa doktor yang bercuti sakit atau cuti rehat semasa peristiwa itu berlaku di Hospital Besar Kuala Lumpur. Tidak ada bukti yang jelas bahawa mereka telah mengambil tindakan untuk menandakan pembantahan mereka terhadap perkara-perkara tertentu.

Mengenai doktor-doktor bertugas "on-call" atau bertugas atas panggilan, selalunya memang sentiasa ada seorang Pegawai Perubatan yang bertugas atas panggilan selepas waktu pejabat di Hospital-hospital Daerah, dan biasanya beliau berada di rumahnya. Jika ada sesuatu kes yang memerlukan perhatian seorang Pegawai Perubatan, maka Pembantu Hospital yang bertugas akan memanggil Pegawai Perubatan tersebut dan beliau akan datang dan memeriksa pesakit tersebut dengan segera.

Tentang kejadian Jururawat-jururawat yang dikatakan angkuh, sombong dan suka menengking pesakit-pesakit, sukalah saya memberitahu Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian saya telah mengambil beberapa langkah untuk meningkatkan lagi perhubungan awam di Hospital-hospital Kerajaan dan langkah-langkah ini termasuklah mengadakan kursus-kursus dalam perkhidmatan, seminar-seminar, ceramah-ceramah dan lain-lain kegiatan berhubung dengan peningkatan perhubungan awam yang baik untuk semua kategori pekerja-pekerja kesihatan.

Jika Ahli Yang Berhormat boleh beri butir-butir mengenai aduan kekasaran atau kelakuan biadap yang dilakukan oleh kakitangan-kakitangan hospital, Kementerian saya memberi jaminan bahawa kita akan menyiasat akan perkara tersebut dan mengambil tindakan sewajarnya.

Saya faham akan kesulitan yang dihadapi oleh penduduk-penduduk kawasan Selama, Perak untuk mendapatkan rawatan terutama sekali bagi ibu-ibu yang akan bersalin seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Ragayah Ariff. Kementerian saya telah pun meluluskan projek untuk membina Hospital Daerah di Selama dan

pembinaannya akan dimulakan apabila pelan-pelan bangunan disiapkan dan peruntukan baginya diluluskan. Begitu jugalah dengan Hospital Daerah Raub yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Ibrahim Salleh di mana penyediaan tapak untuk Hospital Raub itu telah pun siap dan hanya menunggu peruntukan sahaja pada masa ini.

Menjawab kepada teguran Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah, sebenarnya Kementerian saya belum lagi membuat apa-apa cadangan mengenai peluang untuk doktor-doktor Kerajaan membuka klinik ataupun bekerja di sektor swasta.

Pandangan dari Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar itu akan diteliti dan diambil perhatian oleh Kementerian saya kerana kami juga mengambil berat tentang keselesaan tempat tinggal kakitangan di bawah jagaan Kementerian Kesihatan.

Demikianlah sahaja, Tuan Yang Dipertua, jawapan saya kepada teguran-teguran dan pandangan-pandangan dan sekali lagi saya ucap terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil minat dalam kegiatan Kementerian Kesihatan.

**Timbalan Yang Dipertua:**  
Kementerian Wilayah Persekutuan.

4.21 ptg.

**Menteri Wilayah Persekutuan (Dato Shahrir bin Abdul Samad):** Tuan Yang Dipertua, sebenarnya tidak banyak teguran-teguran yang telah diberikan kepada perjalanan Kementerian saya. Namun demikian saya inginlah mengambil peluang ini untuk menjawab ataupun mengulas teguran-teguran yang telah dibuatkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah

mengenai beberapa perkara di bawah bidangkuasa dan tanggungjawab Kementerian Wilayah Persekutuan.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah telah menyentuh empat perkara, iaitu pertamanya tentang masalah banjir di Wilayah Persekutuan.

Kedua, tentang soal setingan di Wilayah Persekutuan.

Ketiga tentang projek aerobus di Kuala Lumpur; dan

Keempat tentang kadar sewa rumah pangsa Dewan Bandaraya, Kuala Lumpur.

Sebenarnya soal banjir ini telah pun saya beri jawapan yang panjang lebar dengan menceritakan dan mengatakan tentang projek-projek yang telah dijalankan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dan juga oleh Jabatan Parit dan Taliair serta Dewan Bandaraya sendiri. Namun demikian, sukaulah saya mengambil kesempatan untuk memberi jawapan ataupun menambahkan jawapan yang telah saya berikan supaya dapatlah difahami tentang masalah banjir yang dihadapi di Wilayah Persekutuan pada masa kini.

Sebagaimana sedia dimaklum oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, Wilayah Persekutuan merupakan salah satu kawasan yang seringkali menghadapi masalah banjir dan ini berlaku setiap kali terjadinya hujan yang lebat sama ada di dalam kawasan Wilayah Persekutuan sendiri mahupun di kawasan-kawasan di utara Wilayah Persekutuan iaitu di sebelah hulu sungai-sungai seperti Sungai Batu, Sungai Gombak dan juga Sungai Kelang. Oleh hal yang demikian, banjir yang berlaku di Wilayah Persekutuan bergantung bukan sahaja kepada kadar hujan atau lebatnya hujan di Wilayah Persekutuan, tetapi juga bergantung kepada lebatnya

hujan di luar daripada Wilayah Persekutuan dan juga bergantung kepada kadar pengaliran sungai-sungai atau kadar pengaliran sungai yang terpenting, yang mengalir melalui Wilayah Persekutuan, tetapi mungkin tersekat atau mungkin terhindar di kawasan-kawasan di luar daripada Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan. Oleh itu, apabila kita melihat kepada masalah banjir ini haruslah jangan kita menganggapkan bahawa ianya merupakan masalah Wilayah Persekutuan semata-mata kerana kalau saya dapat memberikan contoh iaitu bahawa kerja-kerja yang telah dilakukan di sebelah hulu sungai-sungai yang telah saya sebutkan itu telah dapat mengurangkan sedikit kekesanan banjir di Wilayah Persekutuan umpamanya apabila telah ditinggikan ampangan di Klang Gate sendiri.

Ini juga telah mengurangkan kemungkinan berlakunya banjir di sebelah Sungai Kelang dan kalau kita lihat pula di sebelah selatan Wilayah Persekutuan terdapat di mana apa yang dikenal sebagai 'Puchong Drop' iaitu satu bentuk jambatan yang menghalang pengaliran sungai di sebelah selatan daripada Wilayah Persekutuan dan kiranya "Puchong Drop" ini dapat diturunkan ataupun dapat dimusnahkan, maka apa yang dapat dilakukan ialah bahawa paras air sungai dapat diturunkan dan kesannya walaupun Puchong Drop itu berada di dalam kawasan Selangor, kesannya akan dirasai dan dinikmati oleh penduduk-penduduk di Wilayah Persekutuan khususnya di sebelah kawasan Kampung Abdullah Hukum dan juga di sebelah kawasan Pantai. Oleh itu, masalah banjir yang berlaku di Wilayah Persekutuan ini bergantung dengan pembangunan yang juga berlaku di luar daripada Wilayah Persekutuan, berlaku juga dengan perancangan yang perlu dilakukan di kawasan-kawasan sungai luar daripada Wilayah Persekutuan.

Saya berharap bahawa dengan penjelasan ini serta penjelasan-penjelasan yang telah saya berikan pada hari semalam tentang soal banjir ini dapatlah difahami masalah yang dihadapi oleh Kementerian Wilayah Persekutuan untuk mengatasi masalah berkenaan. Namun demikian ini tidaklah bermakna bahawa Kementerian Wilayah Persekutuan melalui agensinya Dewan Bandaraya tidak akan mengambil tindakan bahkan setiap kali, setiap tahun kita akan membelanjakan wang untuk membetulkan dan membersihkan sungai serta membetulkan sistem perparitan di dalam kawasan Kuala Lumpur ini. Walau bagaimanapun sepertimana saya telah menyatakan pada awal tadi, oleh kerana ini merupakan satu masalah yang agak besar, apa yang perlu dilakukan ialah projek-projek yang perlu dijalankan di kawasan-kawasan selain daripada di dalam kawasan Wilayah Persekutuan itu sendiri.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah telah juga menyentuh soal setinggan dan dalam soal setinggan ini sukalah saya menegaskan bahawa dasar Kerajaan pada masa ini ialah bahawa Kerajaan menganggap masyarakat atau kaum setinggan ini sebagai satu golongan masyarakat di dalam Wilayah Persekutuan yang mempunyai peranan yang tersendiri, yang juga mempunyai kedudukan yang terpenting di dalam susunan kegiatan dan susunan ekonomi Bandaraya itu sendiri, bahkan tanpa adanya kumpulan setinggan, apa yang akan dihadapi oleh Bandaraya ialah bahawa kita akan menghadapi kekurangan dari segi pekerja-pekerja pendapatan rendah di dalam bidang buruh kasar, sebagai pembantu kedai, sebagai pekerja kilang dan kehilangan tenaga ini akan juga menghindar kegiatan ekonomi Bandaraya. Oleh sebab itu, haruslah masyarakat setinggan ini dilihat daripada sumbangannya kepada

susunan sosio-ekonomi Bandaraya itu sendiri dan tidak hanya dilihat sebagai satu golongan yang mungkin mencemar keindahan Bandaraya dan juga merupakan satu golongan di mana mempunyai hubungan dari segi keselamatan dan keadaan kesihatan di dalam Bandaraya, malahan bagi keseluruhan negara.

Kiranya masyarakat setinggan ataupun kampung-kampung setinggan menghadapi masalah keselamatan dan masalah ini tidak diatasi, maka kesannya juga akan dirasai oleh masyarakat Bandaraya Kuala Lumpur itu sendiri sama jugalah kiranya masyarakat setinggan ini menghadapi masalah kesihatan, ia juga akan meninggalkan kesan kepada masyarakat Bandaraya dan juga negara pada keseluruhannya. Oleh hal yang demikian, haruslah kita tidak hanya memejam mata ataupun cuba untuk mengusirkan keluar mereka daripada kawasan Wilayah Persekutuan semata-mata kerana mereka duduk di tanah Kerajaan secara haram ataupun tanpa izin. Oleh itu, haruslah kita menyedari bahawa wujudnya setinggan ialah semata-mata oleh kerana Kerajaan mempunyai perancangan tentang tanah-tanah kepunyaan Kerajaan dan juga oleh kerana Kerajaan tidaklah berkemampuan untuk membina rumah-rumah murah yang diperlukan oleh golongan berpendapatan rendah di kawasan Wilayah Persekutuan ini. Oleh itu sikap Kerajaan serta pendekatan Kerajaan terhadap masyarakat setinggan ialah satu sikap yang positif.

Selain daripada kita membenarkan masyarakat setinggan itu duduk di sebidang tanah Kerajaan sehingga tanah tersebut diperlukan oleh Kerajaan dan Kerajaan sendiri memberikan peruntukan rumah pangsa dan rumah kos rendah kepada golongan ini, kiranya mereka terpaksa

diusir keluar. Selain daripada itu Kerajaan juga mengambil berat tentang kedudukan kesihatan dan sosio ekonomi golongan berpendapatan rendah yang terdapat di kawasan-kawasan setinggan ini. Ini dilakukan dengan mengadakan rancangan Sang Kancil iaitu yang mana telah dijalankan di 13 buah kampung di Wilayah Persekutuan yang menekankan kepada soal kesihatan anak-anak kaum setinggan supaya anak-anak ini menerima segala perhatian dari segi kesihatan dan juga untuk membolehkan mereka menjadi sihat dan di samping menjadi sihat menerima peluang untuk membina akhlak serta watak mereka kerana pembinaan watak ini berlaku di dalam lengkongan umur daripada peringkat bayi sehinggalah kepada umur 3 tahun.

Oleh sebab itu, di dalam Rancangan Sang Kancil ini disediakan juga selain daripada kemudahan kesihatan, iaitu di bawah jagaan ibu dan anak, disediakan juga Taman-taman Bimbingan Kanak-kanak untuk menentukan supaya generasi muda yang kini terdapat di kawasan-kawasan setinggan tidak terusir keluar daripada aliran dan proses pembangunan yang berjalan dan berlaku di kawasan Wilayah Persekutuan ini. Dengan cara ini kita akan dapat menentang kemiskinan dan menentukan supaya mereka yang menghadapi masalah kemiskinan tidak terus terjerumus di dalam kemiskinan, bahkan sambil mereka membesar dan menerima perhatian dari segi kesihatan, dari segi bimbingan, dari segi pelajaran, mereka juga akhirnya mendapat peluang untuk memperbaiki kedudukan sosio ekonomi mereka.

Oleh sebab itulah, maka Rancangan Sang Kancil ini akan diteruskan dan sambil kita telah menerima sokongan yang kuat daripada Badan-badan Antarabangsa, seperti UNDP dan sebagainya, Kementerian juga telah menggalak dan mengalukan

penyertaan serta sumbangan daripada syarikat-syarikat swasta serta orang ramai yang turut berminat untuk memberi sokongan kepada usaha Kerajaan yang dijalankan melalui Rancangan Sang Kancil ini. Rancangan ini akan diteruskan pada tahun-tahun yang akan datang dengan pembinaan Pusat-pusat Sang Kancil Tambahan di kampung-kampung yang tertentu untuk menentukan supaya masyarakat setinggan ini akan terus mendapat pembelaan sesuai dengan kedudukannya sebagai masyarakat yang berpendapatan rendah.

(Tuan Yang Dipertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang Dipertua, selain daripada soal setinggan di mana telah juga ditimbulkan tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat setinggan apabila diperlukan tanah tersebut di mana mereka duduki untuk projek-projek pembangunan. Sukalah saya menjelaskan bahawa sebelum sesuatu projek pembangunan dijalankan, dilakukan bagi sebuah tanah Kerajaan itu, Dewan Bandaraya akan menjalankan bancian untuk menentukan berapa bilangan mereka yang menduduki di tanah tersebut dan selepas bancian itu dijalankan barulah notis pemindahan diberikan kepada mereka yang telah didapati menduduki di kawasan tersebut, dan selepas mereka menerima notis pemindahan itu mereka juga akan berkesempatan untuk berdialog dengan Pegawai-pegawai Dewan Bandaraya dan diperuntukkan rumah-rumah pangsa bagi mereka yang terlibat supaya mereka tidaklah diusir keluar dengan begitu sahaja. Kesemuanya ini menunjukkan sikap Kerajaan yang sungguh positif terhadap masalah setinggan yang mengenal dan mengakui peranan dan sumbangan masyarakat ini terhadap pembangunan negara pada keseluruhannya.

Saya berharap dan percaya bahawa Yang Berhormat Senator Haji Abdul Razak akan turut bersama memberi sokongan kepada Kerajaan, khususnya Kementerian Wilayah Persekutuan di dalam sikap dan pendekatan kita pada masa kini terhadap soal dan masalah setingan di Wilayah Persekutuan.

Yang Berhormat Senator Haji Abdul Razak Samah telah juga menyentuh tentang Projek Aerobus di mana beliau telah menimbulkan kebimbangannya terhadap projek ini serta meminta Kerajaan untuk menimbang semula pelaksanaan projek ini. Tetapi suka saya menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat tersebut bahawa walaupun Kerajaan telah meluluskan projek ini, namun demikian projek ini masih lagi merupakan sebuah projek swasta, iaitu ianya akan dibina, dimiliki dan kelolakan oleh sebuah syarikat swasta dan tidak akan melibatkan perbelanjaan Kerajaan selain daripada, pertamanya, penyertaan ekuiti sebanyak 10% dalam syarikat swasta yang berkenaan, dan kedua, dengan kehilangan hasil mungkin daripada membenarkan syarikat ini atau sistem pengangkutan ini menggunakan jalan raya-jalan raya sebagai laluan untuk sistem ini, dan juga dari segi bantuan Kerajaan serta kerjasama Kerajaan untuk membenarkan syarikat ini membina bangunan bertingkat di permukaan jalan di mana terdapatnya perhentian-perhentian kepada sistem laluan atau sistem pengangkutan aerobus ini. Dari segi penglibatan wang Kerajaan, ianya telah dihadkan kepada ekuiti dalam syarikat berkenaan dan juga dari segi kehilangan hasil mungkin kerana dibenarkan penggunaan jalan-jalan raya yang tertentu dalam Bandaraya sebagai laluan untuk sistem ini.

Tuan Yang Dipertua, sistem aerobus ini haruslah difaham sebagai satu sistem pengangkutan yang bertujuan untuk memudahkan perjalanan di

dalam kawasan bandar dan ianya bertujuan untuk mengurangkan kesesakan, iaitu dengan tidak pihak awam sentiasa menggunakan kemudahan kereta sendiri dan juga menggunakan bas dan teksi untuk perjalanan-perjalanan di dalam bandar, iaitu perjalanan jarak dekat semata-mata. Jadi pada pandangan Kerajaan sistem ini bolehlah dilaksanakan secara sebuah projek swasta dan dilaksanakan oleh sebuah syarikat swasta.

Selain daripada itu, inginlah saya menyatakan bahawa apa yang perlu kita perhatikan di dalam pangangkutan awam di Wilayah Persekutuan ialah sistem pengangkutan awam dan pelaksanaan projek-projek pengangkutan awam di Wilayah Persekutuan hendaklah dijalankan dengan secara bersepadu (integrated) dan tidak secara *ad hoc*, iaitu kalaulah kita lihat daripada keadaan di Wilayah Persekutuan kini terdapat berbagai-bagai Jabatan dan Kementerian yang turut terlibat dalam berbagai-bagai soal pengangkutan awam dan dengan cara ini mungkin akan mengurangkan kekesanannya di dalam melaksanakan satu-satu sistem pengangkutan yang baru. Umpamanya, sekiranya dijalankan, dilaksanakan sebuah sistem LRT bagi Wilayah Persekutuan haruslah sistem pengangkutan awam yang lain sama-sama turut memainkan peranannya sebagai 'feeder service' kepada sistem laluan yang dinamakan sebagai sistem LRT. Sekiranya sistem pengangkutan awam yang lain, seperti sistem bas bersaing pula dengan sistem LRT, maka sudah tentu kita tidak akan dapat hasil yang sepenuh dan faedah yang sepenuhnya daripada sistem pengangkutan awam di mana berjuta-juta ringgit akan dibelanjakan ataupun telah dibelanjakan.

Oleh itu, untuk mengelakkan masalah ini, Kementerian saya telah pun menubuhkan satu Jawatankuasa Pengangkutan Awam bagi Wilayah

Persekutuan yang bertujuan untuk menyelaraskan serta merancang dan mengawal serta melaksanakan segala urusan mengenai dengan pengangkutan di dalam kawasan Wilayah Persekutuan dan juga perlu mengambil kira penyertaan Kerajaan Negeri Selangor kerana kita tidak boleh memandang semata-mata kepada Wilayah Persekutuan, bahkan hendaklah mengambil kira perkembangan dan pertumbuhan penduduk di seluruh kawasan sekeliling daripada Wilayah Persekutuan.

Oleh itu, apabila kita melaksanakan satu-satu sistem pengangkutan sama adalanya satu sistem pengangkutan aerobus ataupun satu sistem pengangkutan LRT ataupun kita ingin melaksanakan satu sistem 'area pricing' yang bertujuan untuk menghalang kemasukan kereta-kereta persendirian daripada kawasan-kawasan yang tertentu di dalam Bandar Kuala Lumpur ini. Kesemuanya ini dapat dilaksanakan dengan secara bersepadu (integrated) dan tidak diadakan dengan *ad hoc* sehingga menggagalkan tujuan asal kepada pelaksanaan satu-satu sistem pengangkutan itu.

Tuan Yang Dipertua, selain daripada projek Aerobus ini, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Razak telah juga menyentuh tentang soal kadar sewa rumah pangsa yang mana telah dikatakan sebagai satu kadar sewa yang agak tinggi dan sebagaimana ahli-ahli politik yang lain sememangnya harus kita cuba merayu kepada Kerajaan tentang satu-satu perkara yang hendak dilaksanakan oleh Kerajaan sekiranya ia membebankan kepada rakyat. Tetapi sebaliknya, Tuan Yang Dipertua, kadar sewa yang telah diluluskan baru-baru ini merupakan satu kadar sewa yang telah mengambil kira keadaan sosio-ekonomi rakyat dan penghuni-penghuni rumah pangsa

tersebut dan juga telah mengambil kira kadar sewa yang sebenar yang dihadapi oleh mereka yang tidak bernasib baik menduduki rumah-rumah pangsa atau bilik-bilik yang disewa bukan dari binaan ataupun kepunyaan Dewan Bandaraya ataupun Kerajaan. Oleh itu, Kementerian saya berpendapat bahawa kadar sewa yang telah diputuskan itu merupakan satu kadar yang amat menasabah memandangkan bahawa kadar sewa ini telah pun tidak dinaikkan bertahun-tahun lamanya dan merupakan satu kadar sewa yang bukan komersial yang bukan mengambil kira keadaan pasaran, bukan mengambil kira keadaan sosio-ekonomi penghuni-penghuni rumah pangsa tersebut. Oleh itu, haruslah saya menegaskan bahawa pada setiap tahun dengan kadar sewa yang telah ditetapkan oleh Kerajaan, Dewan Bandaraya dan Kerajaan terpaksa menanggung sekurang-kurangnya \$3 juta setahun untuk membiayai perbelanjaan penyelenggaraan serta perbelanjaan yang diperlukan untuk menampung rumah-rumah pangsa binaan Dewan Bandaraya ini. Subsidi ini sudah tentu harus datang daripada pendapatan Dewan Bandaraya sendiri.

Subsidi sebanyak ini bermakna bahawa jumlah yang sama tidak dapat digunakan untuk projek-projek yang lain yang juga diperlukan di dalam Wilayah Persekutuan. Oleh itu kalaulah hendak dikurangkan lagi kadar sewa yang telah dikenakan kepada penghuni-penghuni rumah pangsa, saya rasa banyak lagi subsidi, banyak lagi projek-projek pembangunan yang terpaksa dihindarkan. Oleh hal yang demikian haruslah juga kita mengambil kira keadaan sebenarnya yang mana kadar sewa yang dikenakan bagi setengah-setengah rumah pangsa yang dibina oleh sektor swasta dan juga sewa-sewa bilik yang terdapat di kawasan-kawasan dalam bandar begitu agak lebih tinggi daripada sewa rumah

pangsa yang dibina oleh Dewan Bandaraya.

Hari ini kita mempunyai penunggu ataupun golongan yang menunggu seramai 30,000 orang yang menunggu giliran untuk mendapat rumah pangsa daripada Dewan Bandaraya. Oleh kerana keadaan ini saya berharap bahawa masyarakat rumah pangsa Dewan Bandaraya akan sama-sama bekerjasama dengan Dewan Bandaraya dengan cuba menjaga dan memelihara harta dan keadaan di rumah pangsa tersebut supaya menentukan janganlah pula perbelanjaan penyelenggaraan (maintenance) kepada rumah-rumah pangsa ini terpaksa ditinggikan semata-mata kerana kita bersikap bahawa ini rumah Kerajaan dan bolehlah kita tidak bertanggungjawab tentang keadaan dan kebersihan dan perjalanan perkara-perkara di dalam kawasan rumah pangsa itu. Dengan cara ini kita akan dapat mengurangkan perbelanjaan penyelenggaraan dan dengan cara ini kita dapat mengurangkan subsidi yang dikenakan terhadap rumah pangsa Dewan Bandaraya dan dengan cara ini kita mungkin tidak perlu meninggikan atau meningkatkan kadar sewa kepada rumah-rumah pangsa tersebut.

Sukalah saya juga mengambil kesempatan pada hari ini menyatakan bahawa ada setengah-setengah pihak yang membantah usaha Dewan Bandaraya bagi mengenakan charge atau bayaran letak kereta kepada mereka yang mempunyai kereta di kawasan rumah pangsa. Ini telah dikemukakan kepada saya secara persendirian dan juga telah dikemukakan melalui akhbar di mana salah satu usaha Dewan Bandaraya, Kementerian Wilayah Persekutuan untuk mengurangkan subsidi akibat daripada penurunan kadar sewa rumah pangsa ini ialah dengan cara mengenakan charge ataupun bayaran kepada mereka yang memiliki kereta

dan meletakkan kereta itu di dalam kawasan-kawasan rumah-rumah pangsa.

Pada pendapat saya oleh kerana kita memberi subsidi kepada golongan yang berpendapatan rendah dan sepatutnya mereka yang duduk di rumah pangsa ini golongan yang berpendapatan rendah maka bagi mereka yang mempunyai kereta, yang mampu membayar setiap bulan terhadap sebuah kereta, mungkin golongan ini merupakan golongan yang tidak patut menerima subsidi daripada Kerajaan. Oleh itu kiranya mereka juga membantah dikenakan terhadap bayaran \$20 ke atas meletak kereta mereka, menyimpan kereta mereka dalam keadaan yang selamat di dalam kawasan rumah pangsa, saya rasa dan saya menyerulah bahawa lebih baik bagi mereka menyerahkan peluang untuk duduk di rumah pangsa secara menerima subsidi Kerajaan itu kepada pihak yang menunggu giliran mereka masing-masing.

Saya rasa inilah satu sikap yang amat bertentangan dengan usaha-usaha Kerajaan untuk membantu golongan yang berpendapatan rendah dan kiranya mereka yang sudah begitu bernasib baik, mampu membeli kereta tidak dapat menghargai sumbangan Kerajaan kepada mereka dengan memberikan kadar sewa yang menerima subsidi itu, saya rasa sudah sampai masanya bagi Kerajaan mengulangkaji kedudukan mereka sebagai golongan yang menerima subsidi daripada Kerajaan itu sendiri.

Tuan Yang Dipertua, selain daripada perkara-perkara itu, sukalah saya menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini bahawa kesemua apa yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Razak berkisar di atas soal pembangunan dan proses pembangunan di dalam kawasan Wilayah Persekutuan. Ketika kita

membicarakan tentang soal banjir, setingan, ketika kita membicarakan soal pengangkutan awam mahupun membicarakan tentang soal rumah pangsa, kesemuanya tertumpu kepada soal kewangan, kesemuanya tertumpu kepada soal pembangunan dan proses pembangunan di kawasan Wilayah Persekutuan.

Hari ini di Wilayah Persekutuan projek-projek pembangunannya bergantung kepada dua punca. Yang pertamanya daripada punca Dewan Bandaraya sebagai sebuah Penguasa Tempatan iaitu daripada punca cukai-cukai pintu yang dikutip oleh Dewan Bandaraya sebagai sebuah Penguasa Tempatan dan juga cukai-cukai yang lain seperti cukai hiburan dan juga mungkin pembayaran charge pembangunan ketika mana diadakan projek-projek pembangunan swasta.

Selain daripada punca cukai pintu itu, Wilayah Persekutuan juga bergantung kepada punca kewangan yang datangnya daripada Perbendaharaan Malaysia, yang datangnya daripada wang Kerajaan Persekutuan dan hari ini dalam keadaan di mana kewangan Kerajaan agak terjejas, agak terhad haruslah pembangunan di Wilayah Persekutuan itu kiranya hendak dilaksanakan dengan kadar yang diharap-harapkan untuk memenuhi hasrat dan aspirasi penduduk-penduduk di luar bandar haruslah cara yang baru difikirkan bagaimana hendak menambah pendapatan dan punca kewangan bagi membiayai projek-projek di dalam Wilayah Persekutuan. Oleh itu, Kementerian saya telah berpendapat bahawa untuk membiayai projek-projek pembangunan di dalam Wilayah Persekutuan haruslah sumber-sumber kekayaan Wilayah Persekutuan itu sendiri dieksploitasikan dengan sepenuhnya untuk menghasilkan kewangan yang boleh membiayai

projek-projek di dalam Wilayah Persekutuan. Hari ini Kementerian saya sedang mengkaji kemungkinan untuk melaksanakan sistem penjualan tanah yang boleh menambahkan pendapatan Kerajaan yang dapat membiayai projek-projek yang perlu di dalam Wilayah Persekutuan.

Kalaulah kita melihat kepada soal banjir semata-mata, bagi kita memperbetulkan dan memperbaiki satu batu parit ianya memerlukan perbelanjaan dua kali ganda daripada perbelanjaan untuk membina sebatu jalan. Ianya merupakan satu projek yang tidak mendatangkan mana-mana keuntungan ekonomi yang nyata, tetapi ia merupakan satu projek yang perlu kerana projek parit itu akan dapat mengurangkan banjir, akan dapat mengurangkan kerugian akibat daripada banjir. Oleh sebab itulah projek-projek seperti ini, projek perparitan, projek memperbaiki sungai yang memerlukan perbelanjaan wang yang banyak perlu dibiayai daripada punca-punca yang tertentu, dan kiranya kita tidak dapat mempelagakan punca kewangan dan pendapatan Kerajaan khususnya bagi Wilayah Persekutuan, maka projek-projek yang perlu ini mungkin tidak dapat dilaksanakan dengan segera.

Kalaulah kita lihat juga kepada soal pengangkutan awam, iaitu yang lebih datangnya dan akibat daripada kesesakan lalulintas dan jalan-jalan di Wilayah Persekutuan, bagi membina satu persimpangan jalan yang bertingkat ataupun interchange yang bertingkat di kawasan-kawasan yang mana berlakunya kesesakan lalulintas, umpamanya, di tiga buah roundabouts atau bulatan dalam Wilayah Persekutuan di Jalan Kuching, di Jalan Tun Abdul Razak, di bulatan Edinburgh, di hadapan Dewan Bahasa dan Pustaka, salah satu persimpangan jalan bertingkat itu memerlukan \$20 juta, dan kalau hendak dibina tiga buah persimpangan bertingkat, maknanya ia memerlukan \$60 juta.

Dan kalaulah kita di Wilayah Persekutuan ini sentiasa mengharapkan, senantiasanya menunggu kepada peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan, daripada punca-punca biasa, maka bermaknalah \$60 juta atau \$20 juta itu perlu ditarik untuk membiayai projek-projek yang perlu di kawasan-kawasan luar bandar, di kawasan-kawasan lain yang tidak semewah seperti Wilayah Persekutuan.

Oleh itu, sukalah saya memaklumkan bahawa cara baharu perlu dicari, perlu diusahakan untuk mempelbagaikan punca kewangan bagi projek-projek pembangunan bagi projek pembangunan di Wilayah Persekutuan dan cara ini sepertimana saya telah nyatakan ialah di dalam kajian Kementerian saya dan menunggu persetujuan dan kelulusan Kerajaan pada keseluruhannya.

Harus juga kita mengadakan cara baharu di dalam pelaksanaannya. Harus juga kita mengadakan cara baharu di dalam perancangan kerana Wilayah Persekutuan bukan hanya bandar Kuala Lumpur, bahkan meliputi kawasan-kawasan kampung, kawasan-kawasan yang ketinggalan juga dari segi kemudahan-kemudahan asas. Kawasan-kawasan ini bukan semata-mata kawasan setinggan, tetapi juga meliputi dan melibatkan kawasan tanah kepunyaan orang tetapi oleh kerana ianya jauh sedikit daripada bandar, maka ianya agak ketinggalan dari segi kemudahan asas. Oleh itu, sambil kita mempunyai satu plan, satu plan yang besar, satu grand plan untuk mengatur pelaksanaan untuk menentukan pembangunan akan berjalan secara yang teratur bagi Wilayah Persekutuan, harus juga kita mengambil kira keadaan dan kedudukan kawasan-kawasan di luar bandar yang terdapat di dalam Wilayah Persekutuan.

Oleh itu, sukalah saya menyatakan bahawa di dalam pelaksanaan pembangunan di Wilayah Persekutuan, saya akan masih lagi memberi keutamaan terutamanya kepada perumahan dan keduanya kepada pembangunan-pembangunan kawasan yang tertinggal yang terdapatnya di luar bandar di dalam Wilayah Persekutuan yang masih lagi memerlukan perhatian yang serius daripada Kerajaan.

Tuan Yang Dipertua, selain daripada itu saya tidaklah ada apa-apa yang hendak ditambah, melainkan hanya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada pihak Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah yang telah memainkan peranannya di dalam menyampaikan hasrat, menyampaikan aspirasi mereka yang rapat dengannya sesuai dengan kedudukannya sebagai seorang ahli Dewan yang mulia ini.

**Tuan Yang Dipertua,:** Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

*4.50 ptg.*

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datin Paduka Chow Poh Kheng):** Tuan Yang Dipertua, sepanjang perbahasan tentang dasar Belanjawan 1984, beberapa ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh tentang beberapa perkara mengenai tugas dan tanggungjawab Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta membuat pemerhatian, teguran dan juga memberi cadangan-cadangan dan pemikiran yang bernas.

Saya berterima kasih atas pandangan berat yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan Kementerian saya akan mengambil kira dan akan memberi perhatian sewajarnya.

Tuan Yang Dipertua, Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom telah menyentuh tentang

kebudayaan kebangsaan. Konsep dasar kebudayaan kebangsaan amatlah jelas dan tidak perlu dipersoalkan dan ditimbulkan lagi. Definisi kebudayaan yang diberi oleh Yang Berhormat adalah definisi sendiri dan hanya mencakupi sebahagian kecil definisi kebudayaan. Memang kita ingin membentuk satu bangsa yang berkebudayaan dan berkeperibadian.

Peranan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memang sangat besar bagi membentuk generasi baharu dan melahirkan satu bangsa yang beradap dan berkebudayaan. Oleh kerana kebudayaan adalah cara hidup, maka kebudayaan kesenian tidak dapat dipisahkan. Tidak mungkin Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bertukar kepada Kementerian Kesenian kerana kesenian itu adalah sebahagian kecil daripada kebudayaan.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga mengadakan penyelidikan yang bersifat pemikiran dan ilmu anjuran Jabatan Kebudayaan, Belia dan Sukan Negeri Selangor mengadakan pertandingan kompany adalah salah satu daripada langkah kecil pelaksanaan dasar kebudayaan kebangsaan.

Yang Berhormat Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh telah menyentuh tentang penghijrahan belia-belia dari luar bandar ke bandar atau luar negeri untuk mencari pekerjaan. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sentiasa memberi kesedaran kepada belia-belia tentang keburukan penghijrahan dalam ceramah-ceramah melalui kursus-kursus yang dijalankan di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan. Belia juga mengatakan bahawa kursus-kursus diadakan di Dusun Tua misalnya tidak begitu mencukupi.

Pusat-pusat latihan belia yang dikendalikan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sudah

pun mencapai peringkat capacity yang optima. Oleh itu, pengambilan pelatih-pelatih adalah dihadkan oleh keadaan fizikal. Walaupun begitu, dari segi mutu latihan yang diberikan, ianya adalah setanding serta mengikut kehendak-kehendak pasaran tenaga kemahiran semasa.

Selain dari mewujudkan latihan kemahiran di pusat-pusat ini, Kementerian juga menyediakan latihan kemahiran yang dilaksanakan di bengkel-bengkel di daerah masing-masing di bawah sistem latihan sambil bekerja. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah program ini pihak Kementerian telah berjaya menyediakan tempat latihan tambahan untuk sebanyak 1,000 peserta.

Ahli Yang Berhormat Puan Hasanah binti Haji Mohd. Kasim telah mencadangkan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bekerjasama dengan PETRONAS untuk mengadakan kursus dan latihan kemahiran untuk belia dalam bidang petroleum. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hanya mengendalikan kursus-kursus kemahiran asas. Kursus-kursus berkaitan dengan petroleum dijalankan oleh PETRONAS sendiri. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian sentiasa memberi bantuan dan kerjasama kepada agensi-agensi lain dalam mendapatkan belia-belia untuk mengikuti latihan.

Tuan Yang Dipertua, walaupun saya tidak menjawab satu persatu perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa membahaskan belanjawan Kementerian ini, suka saya memberi jaminan bahawa perkara-perkara tersebut akan diberi perhatian yang sewajarnya oleh Kementerian saya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang Dipertua:** Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

5.02 ptg.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan S. Subramaniam):** Tuan Yang Dipertua, terlebih dahulu saya suka mengucapkan berbanyak terima kasih di atas minat yang ditunjukkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh perkara di bawah bidangkuasa Kementerian saya semasa membahaskan Belanjawan 1984 yang dibentangkan baru-baru ini. Walau bagaimanapun, saya tidak bercadang untuk menjawab satu persatu mengenai perkara yang disentuh, tetapi sebaliknya saya akan memberi gambaran yang menyeluruh tentang program yang akan dijalankan oleh Kementerian ini yang merangkumi sebahagian besar daripada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat sekalian.

Saya ingin menyentuh mengenai perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan D. P. Vijandran, Yang Berhormat Tuan K. Kumaran dan beberapa Ahli Dewan Negara yang lain berkaitan dengan program perumahan awam kos rendah dan lain-lain isu berhubung dengan perumahan. Yang Berhormat Senator D. P. Vijandran telah menyeru Kerajaan supaya menambah bilangan perumahan awam kos rendah untuk mengurangkan setinggan dan menolong mereka yang berpendapatan rendah memiliki rumah sendiri. Ahli Yang Berhormat juga menyeru Kerajaan menghalang mereka yang berada mendapatkan rumah kos rendah. Dalam hubungan ini sayugia dimaklumkan bahawa bilangan unit sasaran rumah awam kos rendah bagi Rancangan Malaysia Keempat adalah jauh melebihi unit sasaran bagi Rancangan Malaysia Ketiga yang lalu. Dalam Rancangan Malaysia Ketiga, bilangan unit sasaran yang telah ditetapkan ialah sebanyak 73,506 unit, manakala dalam Rancangan Malaysia Keempat pula

ialah sebanyak 176,500 unit. Unit yang telah siap dibina dalam Rancangan Malaysia Ketiga ialah sebanyak 26,500 unit ataupun 37,7%. Bagi Rancangan Malaysia Keempat sehingga Jun, 1983 sebanyak 37,117 unit ataupun 21.2% telah pun siap dibina. Walaupun bilangan yang ditetapkan dalam Rancangan Malaysia Keempat dan telah disiapkan adalah melebihi apa yang dirancang dan siap dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Bilangan ini adalah dianggap belum lagi mencukupi bagi menampung keperluan permintaan masa kini. Kerajaan-kerajaan Negeri sedang dalam proses mengswastakan projek-projek perumahan. Ini adalah salah satu langkah untuk mengatasi keadaan kemelesetan ekonomi dan kekurangan kewangan yang dihadapi oleh Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang Dipertua, program perumahan awam kos rendah, sememangnya bertujuan untuk menolong mereka yang berpendapatan rendah bagi memiliki rumah sendiri untuk tujuan supaya tidak dimiliki oleh mereka yang berada, Kerajaan telah pun mengeluarkan garis panduan dan peraturan-peraturan pembahagian rumah awam kos rendah kepada Kerajaan-kerajaan Negeri. Dalam peraturan berkenaan telah pun ditetapkan bahawa pendapatan keluarga yang layak dipertimbangkan adalah di bawah \$750 sebulan. Ada Kerajaan-kerajaan Negeri yang telah mengambil tindakan yang tegas termasuk mengambil balik atau menarik balik tawaran rumah awam kos rendah dari pemohon-pemohon yang menipu atau mereka yang memberi maklumat-maklumat yang tidak benar dalam permohonannya. Kita akan terus menasihatkan Kerajaan-kerajaan Negeri yang bertanggungjawab memperuntukkan rumah awam kos rendah untuk mengawal dengan lebih ketat tentang perkara itu.

Ahli Yang Berhormat Senator K. Kumaran berpendapat bahawa peruntukan bagi mendirikan rumah awam kos rendah sebanyak \$340 juta untuk tahun 1984 adalah tidak mencukupi memandangkan kepada permintaan yang tinggi atau semakin meningkat. Yang Berhormat Senator itu juga telah menyeru Kerajaan membantu pemaju-pemaju perumahan swasta untuk mendapat kemudahan-kemudahan yang diperlukan. Yang Berhormat Senator itu telah mengesyorkan supaya pemaju perumahan swasta memperuntukkan sebanyak 50% untuk jenis rumah awam kos rendah. Dalam pembahagian rumah-rumah awam kos rendah, Yang Berhormat Senator menyeru supaya setiap permohonan hendaklah dikaji dengan teliti supaya tidak berlaku kejadian di mana mereka yang berpendapatan tinggi yang memperolehi rumah awam kos rendah dan menyeru Kerajaan supaya menambahkan peruntukan kepada rakyat keturunan India.

Tentang kawalan terhadap mereka yang berpendapatan tinggi yang memohon kepada Kerajaan mendapatkan rumah awam kos rendah, saya telah pun memberi penjelasan. Tuan Yang Dipertua, peruntukan sebanyak \$340 juta itu adalah termasuk pembinaan projek-projek yang dijalankan oleh Dewan Bandaraya di Wilayah Persekutuan.

Di samping itu Kementerian saya juga telah menubuhkan satu skim yang diberi nama Skim Pinjaman Perumahan yang bertujuan untuk membiayai keperluan perumahan rakyat yang berpendapatan rendah. Selain dari itu seperti saya jelaskan tadi, Kerajaan melalui Kerajaan-kerajaan Negeri adalah bercadang untuk menambahkan bilangan rumah-rumah awam kos rendah dengan cara mengswastakan beberapa projek yang tidak termasuk dalam Rancangan Malaysia Keempat dan melalui

langkah ini kita harap jumlah bilangan unit akan dapat dipertingkatkan.

Di antara langkah-langkah dan bantuan khusus Kerajaan kepada pemaju-pemaju swasta untuk membolehkan mereka membina lebih banyak rumah-rumah awam kos rendah di dalam Rancangan Malaysia Keempat adalah seperti berikut:

Kerajaan Pusat telah menasihati dan meminta kerjasama dari Kerajaan-kerajaan Negeri supaya:

- (1) mempercepatkan proses bagi meluluskan permohonan tukar syarat dan pecah sempadan bagi sesuatu projek yang bertujuan untuk membina rumah-rumah awam kos rendah.
- (2) mempercepatkan proses meluluskan pelan-pelan bangunan untuk maksud perumahan awam kos rendah. Sehubungan dengan ini Kerajaan ada menyediakan pelan-pelan rumah awam kos rendah seragam yang dibuat oleh Jabatan Perumahan Negara di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk kegunaan pemaju swasta di mana pelan-pelan ini boleh mendapat kelulusan segera dari pihak-pihak Penguasa Tempatan.
- (3) meminta pihak-pihak Kerajaan Negeri memberi pertimbangan istimewa supaya density yang lebih besar diberi kepada pemaju-pemaju perumahan yang memajukan projek perumahan awam kos rendah.
- (4) mempercepatkan pengeluaran sijil layak menduduki atau COF 'Certificate of Fitness'.
- (5) memberikan kemudahan bantuan bagi memastikan kemudahan infrastruktur dapat dibekalkan ke atas projek berkenaan dengan mendapat

kerjasama dari pihak jabatan-jabatan yang terlibat.

Ada di antara Kerajaan-kerajaan Negeri yang memberikan subsidi ke atas penyediaan kemudahan-kemudahan asas seperti letrik, bekalan air dan jalanraya.

- (6) bagi projek-projek dalam bandar, Kerajaan telah pun melantik Malaysian Building Society Bhd. sebagai agen utama Kerajaan yang diberikan peruntukan untuk membeli rumah-rumah kos rendah dari pemaju-pemaju swasta untuk tujuan disewakan kepada para penyewa di bawah sistem sewa beli.

Dan akhirnya untuk kemudahan pemaju-pemaju swasta juga Kerajaan telah pun mengeluarkan arahan melalui Bank Negara Malaysia kepada bank-bank perdagangan supaya memberikan kemudahan pinjaman kepada para pembeli rumah awam kos rendah di mana bagi rumah-rumah di bawah harga \$25 ribu seunit para pembeli akan mendapat kemudahan pinjaman 100% dengan kadar faedah 10% setahun.

Tuan Yang Dipertua, dalam garis panduan yang telah dikeluarkan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri telah pun ditetapkan supaya Kerajaan-kerajaan Negeri mensyaratkan 30% sehingga 50% unit rumah pemaju swasta terdiri dari rumah awam kos rendah. Ini adalah tertakluk kepada keluasan tapak projek perumahan yang dicadangkan itu serta lain kriteria yang ditentukan oleh Kerajaan Negeri. Suka saya menyatakan di sini bahawa semua Kerajaan Negeri telah pun mensyaratkan bahawa sekurang-kurangnya 30% unit rumah yang dimajukan oleh pemaju swasta terdiri dari rumah kos rendah. Ada juga negeri-negeri yang telah mensyaratkan sehingga 50%. Dalam Rancangan

Malaysia Keempat unit sasaran telah ditetapkan ialah sebanyak 90 ribu unit bagi pihak swasta. Dari jumlah ini sehingga Jun, 1983 sebanyak 11,353 unit atau 2.6% telah pun siap didirikan. Dalam pembahagian rumah awam kos rendah apa yang dipentingkan ialah syarat-syarat kelayakan yang telah ditetapkan dalam pembahagian rumah awam kos rendah yang telah dikeluarkan. Pada amnya ruang rumah awam kos rendah dibahagikan atau diperuntukkan mengikut Dasar Ekonomi Baru dan setiap golongan kaum adalah diberi peluang untuk memiliki atau memperolehi rumah awam kos rendah.

Kementerian saya telah dan akan menasihat Kerajaan-kerajaan Negeri supaya sentiasa menjalankan pembahagian rumah awam kos rendah mengikut Dasar Ekonomi Baru iaitu untuk menggambarkan golongan kaum yang terdapat di negara kita.

Tuan Yang Dipertua, Yang Berhormat Senator Haji Shahrom bin Maasom telah mempersoalkan kenapa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak mengadakan geran atau peruntukan secara mengejut khas untuk kampung-kampung baru Majlis Kerajaan Tempatan bagi mengatasi masalah seperti kepadatan penduduk yang tinggi, berhubung jalan-jalan yang teratur, bekalan api, air yang memuaskan, saluran air buangan yang teratur sehingga masalah ini menimbulkan masalah sosial dan tempat pembiakan kuman-kuman penyakit. Majlis-majlis Kerajaan Tempatan yang telah disusun semula bukan sahaja meliputi kampung-kampung baru tetapi juga kawasan bandar dan kampung-kampung tradisional. Sejak Majlis-majlis Daerah dan Majlis Perbandaran disusun semula sehingga September, 1983 Kerajaan Persekutuan telah memberi peruntukan geran

perlancaran sebanyak \$81 juta. Di samping itu Kerajaan Pusat juga telah mengeluarkan setiap tahun peruntukan geran tahunan sebanyak \$8.9 juta kepada Penguasa-pengusaha Tempatan. Ini adalah satu beban yang besar yang dipikul oleh Kerajaan Pusat. Kerajaan Pusat tidak berkemampuan untuk menambah peruntukan ini. Dengan penyusunan semula, harapan Kerajaan Pusat ialah bahawa Kerajaan-kerajaan Tempatan akan menjadi lebih viable dan akan menjaga dan membangun kawasan masing-masing dari pendapatan mereka. Ada juga Kerajaan-kerajaan Negeri yang memberi bantuan kewangan kepada Penguasa-pengusaha Tempatan yang ditentukan dari keperluan mendesak sesuatu kawasan itu.

Kementerian saya telah memperuntukkan sebanyak \$20 juta dari tahun 1981 sehingga 1983 untuk membiayai beberapa projek pembangunan dan penyelenggaraan di kawasan-kawasan Penguasa Tempatan di seluruh negara kita.

Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kawasan Kampung Baru telah diwujudkan semasa darurat di mana orang-orang Malaysia dikumpulkan di satu tempat untuk mengelakkan pemberontak-pemberontak komunis. Oleh kerana selepas berkuatkuasa Akta Kerajaan Tempatan 1976, kawasan-kawasan ini telah dimasukkan dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan sebagai kawasan kawalan mereka. Oleh kerana semasa pembinaan rumah-rumah dan tempat-tempat kediaman tidak mematuhi beberapa kehendak-kehendak perancangan kita dapat masih beberapa masalah tentang jalan khususnya dan juga parit-parit di Kampung-kampung Baru. Kehendak-kehendak rancangan oleh Kerajaan Negeri dan pihak Berkuasa Tempatan

adalah mengikut Enakmen Lembaga Bandaran Bab 137. Enakmen tersebut berkehendakkan keluasan tanah jalan yang tidak kurang daripada 40 kaki untuk melayakkan bagi mendapat pemberian tahunan selenggaraan dalam negeri atau dengan izin State road grant sepertimana di Perkara 109 (b) Perlembagaan Negara. Enakmen ini juga memerlukan garisan bangunan 'building lines' yang tidak kurang daripada 20 kaki daripada simpanan reserve jalan. Bangunan-bangunan yang ada sekarang di Kampung-kampung Baru tidak memenuhi kehendak-kehendak di atas.

Kementerian saya sedang mengambil tindakan melalui Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan supaya kehendak-kehendak Enakmen tersebut di atas dapat dilonggarkan. Setakat ini Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan belum membuat sebarang keputusan dan masih ada dalam pertimbangan oleh Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Seksyen 10 (1) Akta Kerajaan Tempatan 1976 menyentuh perlantikan Yang Dipertua dan Ahli-ahli Majlis Penguasa Tempatan. Perlantikan ini adalah dibuat oleh pihak Berkuasa Negeri. Oleh yang demikian, terpujanglah kepada pihak yang Berkuasa Negeri untuk memilih Yang Dipertua Majlis serta Ahli-ahli Majlis daripada mana-mana golongan rakyat yang sesuai dan yang boleh menjalankan tanggungjawab jawatan-jawatan ini di Penguasa-pengusaha Berkuasa Tempatan dalam negara kita.

Tuan Yang Dipertua, bangunan-bangunan lama yang masih kukuh yang elok tetapi tidak digunakan adalah menjadi tanggungjawab Penguasa-pengusaha Tempatan. Oleh yang demikian, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan boleh meminta dan akan meminta Penguasa-pengusaha Tempatan menyiasat perkara

ini supaya bangunan seumpamanya dielakkan untuk digunakan dan mengelakkan bangunan-bangunan lama ini terbiar. Pada masa sekarang Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri menggubal garis-garis panduan tentang konsep dan pelaksanaan penswastaan. Walaupun demikian, penswastaan oleh Penguasa-penguasa Tempatan sedang diamalkan secara kecil-kecilan. Kerajaan-kerajaan Negeri sedang dalam proses kajian untuk menyesuaikan aktiviti-aktiviti yang sewajar diwastakan. Kementerian saya akan mengkaji garis-garis panduan yang sedang digubal oleh Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri supaya Penguasa-penguasa Tempatan dapat melaksanakan konsep penswastaan dalam bidang-bidang yang sesuai.

Tuan Yang Dipertua, inilah penjelasan-penjelasan kepada beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa membahaskan Belanjawan 1984 dan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara dan juga yang telah membuat cadangan-cadangan untuk kebaikan Kementerian, saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih. Sekian.

**Tuan Yang Dipertua:** Kementerian Kewangan.

5.24 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Sabbaruddin Chik):** Tuan Yang Dipertua, izinkan saya terlebih dahulu merakamkan penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyokong Belanjawan 1984 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan. Saya juga ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih atas segala teguran dan cadangan-cadangan yang membina yang telah dilafaskan

oleh Ahli-ahli Yang Berhormat bersabit dengan dasar-dasar ekonomi dan kewangan negara. Saya memberi jaminan bahawa pihak Kerajaan akan meneliti segala teguran-teguran dan cadangan-cadangan itu dan akan melaksanakannya di mana ianya didapati membawa manfaat kepada negara dan rakyat jelata.

Tuan Yang Dipertua, ingin saya menyentuh beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sudah pun sedia maklum akan keadaan ekonomi negara kita sekarang ini yang sudah pun menunjukkan tanda-tanda pemulihan. Keadaan ini juga dikukuhkan lagi dengan tanda-tanda pemulihan yang berlaku di negara-negara perindustrian yang maju terutamanya Amerika Syarikat. Adalah dijangkakan dengan pemulihan ini kadar pertumbuhan ekonomi negara akan berada pada kadar yang lebih sihat lagi pada tahun hadapan. Walau bagaimanapun, oleh kerana keadaan ekonomi kita yang terbuka, kita semestinya sentiasa dan terus berwaspada. Oleh itu Kerajaan akan terus mengambil tindakan-tindakan berjimat cermat dan perhati-perhati serta pragmatik dalam merancang Belanjawan 1984 dan menetapkan sebagai strategi utama Belanjawan ini untuk membaiki dan mengukuhkan lagi imbalan pembayaran negara dan memperkemas serta mengukuhkan lagi kedudukan kewangan Kerajaan supaya Perbelanjaan Mengurus dan lebih-lebih lagi Perbelanjaan Pembangunan disesuaikan dengan sumber-sumber yang kita ada.

Tuan Yang Dipertua, beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah membangkitkan mengenai peruntukan Anggaran Pembangunan yang tidak mencukupi. Berhubung dengan perkara ini sukacitalah saya menegaskan bahawa adalah menjadi

hasrat Kerajaan untuk memberi peruntukan yang sebanyak-sebanyaknya untuk mencapai matlamat sosio-ekonomi negara. Namun demikian, memandangkan keadaan kewangan negara yang kurang memuaskan dan juga untuk membaiki kedudukan imbalan pembayaran Kerajaan terpaksa menghadkan perbelanjaannya. Sungguhpun begitu pengurangan ini dibuat secara berhati-hati di mana keutamaan diberi kepada projek-projek yang dapat mendorong perkembangan ekonomi negara dan meningkatkan pendapatan terutama sekali bagi golongan yang berpendapatan rendah. Kerajaan akan memberi perhatian sewajarnya kepada perkara-perkara yang dibangkitkan ini dan jika perlu dan keadaan kewangan Kerajaan mengizinkan tambahan peruntukan akan dipertimbangkan.

Tuan Yang Dipertua, Kerajaan juga diminta supaya menumpukan peruntukan kepada projek-projek luar bandar terutamanya bagi mewujudkan kemudahan-kemudahan asas. Dalam hubungan ini sukalah saya menyatakan bahawa sungguhpun Kerajaan telah menghadkan perbelanjaan peruntukan untuk membangunkan sektor luar bandar adalah senantiasa diberi keutamaan. Oleh itu, projek-projek luar bandar seperti bekalan air dan elektrik serta jalan-jalan luar bandar tidak sangat terjejas dalam langkah Kerajaan menghadkan perbelanjaan sektor awam.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sebanyak \$1325 juta ataupun 21% daripada keseluruhan peruntukan pembangunan adalah dikhaskan bagi sektor pertanian yang hampir-hampir keseluruhannya adalah untuk pembangunan luar bandar dalam Anggaran Pembangunan, 1984.

Di samping itu juga, peruntukan berjumlah \$484 juta telah dikhaskan bagi kemudahan-kemudahan asas seperti jalan-jalan, bekalan air dan

elektrik. Suka juga saya memaklumkan bahawa mulai tahun 1983 ini, peruntukan baru yang berasaskan tahap pembangunan dan kesejahteraan hidup rakyat akan diberi kepada negeri-negeri khusus untuk pembangunan sosio-ekonomi luar bandar. Untuk tujuan ini sebanyak \$100 juta telah diperuntukkan dan peruntukan sejumlah ini akan disediakan pada tiap-tiap tahun.

Berhubung dengan saranan yang dibuat supaya peruntukan khas diadakan untuk memperbaiki keadaan dan kebersihan di kampung-kampung baru, sukalah saya menyatakan bahawa peruntukan tahunan telah pun disediakan bagi maksud ini. Bagi Rancangan Malaysia Keempat, peruntukan sebanyak \$20 juta telah pun disediakan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Tuan Yang Dipertua, soal hutang negara seperti yang dijangka telah sekali lagi ditimbulkan. Kerajaan memang berhati-hati dalam mendapat sesuatu pinjaman. Boleh dikatakan dasar yang penuh bertanggungjawab dalam mentadbir kewangan negara telah dan sentiasa diamalkan. Setiap tahun Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan meningkat kerana memenuhi keperluan menyampaikan khidmat dan kemudahan yang sedia ada dan yang perlu disediakan. Negara kita perlu meminjam bagi menguruskan projek-projek pembangunan dan menggerakkan perkembangan ekonomi serta meningkatkan taraf hidup rakyat terutama sekali mereka yang tinggal di luar bandar.

Meminjam untuk melaksanakan projek-projek pembangunan bukanlah satu tindakan yang buruk ataupun satu tindakan yang kurang bijak. Kita bukan meminjam sewenang-wenangnya tanpa menitikberatkan soal-soal kepentingan masa hadapan negara. Perkiraan yang mendalam

tentang baik buruk sesuatu pinjaman itu telah pun dipertimbangkan agar ianya tidak membebankan negara dan sebaliknya menghasilkan peluang yang memuaskan baik dari segi peningkatan produktiviti ataupun daya pengeluaran negara, mahupun dari menambah kemudahan-kemudahan tertentu demi untuk kepentingan rakyat negara kita ini.

Berkaitan dengan percukaian pula, ingin saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyokong langkah-langkah cukai yang dikemukakan untuk Belanjawan 1984. Walau bagaimanapun, ada juga terdapat Ahli-ahli yang tidak begitu puas hati dengan beberapa aspek percukaian terutamanya mengenai pengenaan levi ke atas kenderaan barang-barang, duti import ke atas makanan dan alat-alat binaan berat. Ada juga Ahli yang menyeru supaya pelepasan cukai diberi kepada mereka yang menanggung ibubapa dan anak-anak cacat.

Tuan Yang Dipertua, ingin saya menyatakan di sini bahawa levi ke atas kenderaan ini adalah bertujuan untuk menambahkan lagi hasil Kerajaan serta memperbaiki kedudukanimbangan kewangan negara. Dengan tindakan ini tentunya sedikit sebanyak akan menggalakkan lebih banyak lagi pengusaha menggunakan pelabuhan di negara kita ini. Berasaskan inilah, maka ada Ahli Yang Berhormat membangkitkan soal sama ada pelabuhan kita mempunyai keupayaan menampung permintaan yang lebih ini. Bermacam-macam jawapan boleh diberi kepada soalan ini, bergantung kepada anggapan yang kita buat. Jika anggapan dibuat bahawa kesemua barang eksport melalui satu pelabuhan sahaja, maka tentu sekali jawabnya kita tidak mempunyai keupayaan yang cukup. Tetapi sebaliknya jika anggapan dibuat bahawa kesemua eksport ataupun kesemua pengeksport

akan mengeksport barang-barang mereka melalui lain-lain pelabuhan yang ada di negara ini, kemungkinan besar bahawa kemudahan-kemudahan pelabuhan kita yang ada sekarang boleh menampungnya. Begitulah kesannya, yakni bergantung kepada anggapan yang kita buat seperti yang saya nyatakan tadi.

Tuan Yang Dipertua, sebenarnya kadar sebanyak \$100 yang dikenakan ini bagi tiap-tiap lori barang yang keluar dari negara ini tidaklah begitu tinggi dan jika dikira bahawa sesebuah lori itu membawa barang-barang yang bernilai, maka kesan ke atas pengeksport-pengeksport tidaklah begitu berat. Jika sekiranya cukai ini merupakan beban yang berat kepada pengeksport-pengeksport yang tertentu maka Menteri Kewangan ada diberi kuasa di bawah Seksyen 4 untuk memberi pengecualian kepada mereka yang betul-betul tertekan akibat pengenaan levi ini. Malah Kerajaan telah pun bersetuju bahawa lori-lori khas yang membawa barang-barang yang dianggap mudah rosak (parishable items) seperti sayur dan ikan dan yang akan digunakan oleh penduduk-penduduk Singapura itu sendiri, ertinya barang-barang perishable ini yang tidak akan dieksport semula (re-export) dari Singapura akan dikecualikan dari levi ini.

Berkaitan dengan duti import ke atas makanan pula, ada Ahli-ahli Yang Berhormat mengatakan terdapat jenis makanan seperti telur masin yang dikenakan cukai import ini, saya ingin menyatakan bahawa telur masin ini tidaklah boleh dianggap sebagai makanan yang mewah dan makanan yang semestinya diperlukan.

Tuan Yang Dipertua, cukai import yang dikenakan ke atas telur masin ini ialah untuk mengurangkan import makanan sebagai salah satu langkah untuk memperbaikiimbangan

pembayaran negara. Makanan-makanan yang terlibat seperti telur masin ini bukanlah merupakan makanan asas tambahan pula ianya memang boleh dan sedang pun dikeluarkan di negara kita ini.

Bagi cukai ke atas alat-alat binaan berat pula, ianya adalah bertujuan menggalakkan industri pemasangan dan pembuatan alat-alat tersebut di negara ini.

Tuan Yang Dipertua, ada juga Ahli Yang Berhormat yang menyeru supaya mereka yang menanggung ibubapa dan juga anak yang cacat diberi pelepasan cukai khas. Sebenarnya pelepasan cukai telah pun diberi. Pelepasan sebanyak \$5,000 yang diberi kepada tiap-tiap pembayar cukai pada ketika ini adalah sebenarnya terdiri daripada pelepasan persendirian sebanyak \$4,000 dan \$1,000 lagi itu adalah pelepasan untuk tanggungan bagi ibubapa. Pelepasan ini dicampur dengan pelepasan persendirian demi untuk melicinkan pentadbiran dan juga memandangkan bahawa adalah sudah menjadi tanggungjawab semua kaum di Malaysia ini untuk menjaga ibubapa mereka.

Bagi tanggungan anak cacat pula, sukalah juga saya menyatakan bahawa pelepasan sebanyak \$400 sudah diberi kepada mereka yang mempunyai seseorang anak cacat. Jadi masalah yang dibangkitkan dalam hal ini tidaklah timbul kerana pelepasan yang berpatutan sememangnya pun telah diberi.

Sukalah juga saya menekankan di sini bahawa Kerajaan dalam mengemukakan cadangan-cadangan cukai yang akan dikenakan senantiasa mengambil perhatian dan memberi pertimbangan yang berat agar kumpulan rakyat yang berpendapatan rendah tidak menanggung beban dari cukai yang dikenakan. Strategi Belanjawan adalah untuk

memperkukuhkan lagi kedudukan kewangan Kerajaan dan bukan menambah beban kepada rakyat. Oleh itu penekanan telah dan akan diberi kepada usaha-usaha memperkemas lagi kecekapan-kecekapan Jabatan Hasil Dalam Negeri dan juga Jabatan Kastam.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyokong Belanjawan 1984 dan telah memberi teguran-teguran yang membina. Saya menyeru kepada semua pihak supaya meneruskan kerjasama dengan Kerajaan dalam usaha membangunkan lagi negara kita ini ke arah pencapaian kemakmuran dan kebahagiaan. Saya yakin dan percaya dengan keadaan ekonomi dunia yang dijangka bertambah baik dalam tahun hadapan, negara kita akan terus membangun dan bertambah maju dengan berkat keazaman dan kerjasama yang rapat dari semua pihak.

**Tuan Yang Dipertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

#### Bacaan Kali Yang Ketiga

**Dato' Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan, 1984 dibacakan kali ketiga dan diluluskan sekarang.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr Jmes P. Ongkili):** Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang Dipertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG LEVI KENDERAAN BARANG

Bacaan Kali Yang Kedua  
dan Ketiga

5.46 ptg.

**Dato' Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama Akta Levi Kenderaan Barang-barang, 1983 dibaca pada kali yang kedua sekarang.

Akta ini bertujuan untuk menguatkuasakan cadangan yang telah dikemukakan di dalam Ucapan Belanjawan di Dewan Rakyat pada 21hb Oktober, 1983 yang lalu iaitu untuk mengenakan levi ke atas setiap kenderaan barang-barang yang meninggalkan negara ini.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Rang Undang-undang ini telah pun diluluskan oleh Dewan Rakyat yang bersidang sebelum ini. Sekali lagi di sini saya memohon memberi penjelasan sedikit tentang beberapa perkara penting yang dikemukakan di dalam Rang Undang-undang ini.

Fasal 1 Akta Levi Kenderaan Barang-barang, 1983 memberi kuasa kepada Menteri Kewangan untuk menetapkan sesuatu tarikh tertentu bagi menguatkuasakan Akta ini di sesuatu bahagian dalam Malaysia. Kuasa bagi Menteri untuk mengenakan levi dan menetapkan

amaun yang perlu dibayar adalah terdapat di bawah Fasal 3.

Di bawah Fasal 4 pula, Menteri diberi kuasa untuk memberi beberapa pengecualian daripada kesemua atau sebahagian daripada amaun yang ditetapkan ke atas sesuatu kenderaan barang-barang itu.

Fasal 5 pula adalah mengenai peruntukan denda atau hukuman bersabit dengan kegagalan atau keengganan membayar levi.

Sebagai langkah untuk melicinkan pelaksanaan Akta ini, Fasal 6 hingga 9 adalah memberi beberapa peruntukan mengenai pentadbiran dan penguatkuasaan Akta ini.

Akhir sekali Fasal 10 memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat segala peraturan-peraturan berkaitan dengan pelaksanaan Akta ini khususnya mengenai kutipan dan tempat membayar levi ini.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

**Datuk Dr James P. Ongkili:** Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang Dipertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ini ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk membuat peruntukan berkenaan levi atas semua kenderaan barang-barang yang meninggalkan Malaysia dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

5.50 ptg.

**Tuan Fadzil bin Mahmood:** Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk menyokong suatu Akta bagi membuat peruntukkan mengenai pengenaan levi atas semua kenderaan barang-barang yang meninggalkan Malaysia dan mengenai perkara-perkara yang

berkaitan dan bersampingan dengannya.

Tuan Yang Dipertua, saya mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada Menteri Kewangan ataupun Kementerian Kewangan yang telah membuat undang-undang ini dan saya rasa inilah sudah sampai masanya untuk kita adakan satu Akta sepertimana yang dikemukakan oleh Timbalan Menteri yang berkenaan sebentar tadi.

Tuan Yang Dipertua, Akta ini bukanlah bertujuan untuk kita hendak menekan mana-mana negara jiran kita tetapi memandangkan kepada keadaan ekonomi kita pada hari ini maka tujuan kita adalah baik iaitu untuk hendak menambahkan revenue negara kita dengan mengenakan lori-lori yang masuk ke negara-negara jiran kita dikenakan sebanyak \$100 sepertimana yang disebutkan dalam Seksyen.

Di samping itu kita sekarang telah mengadakan beberapa pelabuhan-pelabuhan di negara kita ini. Jadi sememangnya kita mesti membangunkan pelabuhan-pelabuhan negara kita ini supaya pelabuhan-pelabuhan yang diperuntukkan begitu banyak oleh pihak Kerajaan kita tidak sia-sia begitu sahaja.

Oleh yang demikian, oleh kerana tujuan kita untuk kita hendak memajukan pelabuhan-pelabuhan kita terutama sekali pelabuhan Pasir Gudang, saya berharaplah kepada pihak Kementerian supaya memperbaiki, membuat ataupun mengadakan segala kemudahan-kemudahan di pelabuhan itu supaya dapat kita melicinkan tujuan kita ataupun perjalanan import-export kita supaya Akta yang kita buat pada hari ini dapat kita mencapai maksud kita yang sebenarnya.

Satu lagi, Tuan Yang Dipertua, dalam masalah ini penguatkuasa untuk menjagakan kenderaan-kenderaan

yang lalulintas ataupun yang masuk ke negara jiran kita itu mestilah kita perkemaskan. Jikalau penguatkuasa ataupun pegawai-pegawai yang mengutip bayaran lori itu tidak dikemaskan, masa saya rasa perkara ini tidak akan mendatangkan sesuatu kejayaan sepertimana yang kita harapkan.

Sebelum ini ada rungutan-rungutan mengatakan adanya setengah-setengah lori yang selalu pergi balik ke negara jiran kita maka patutlah dikesualikan. Dalam masalah ini, sepertimana yang disebutkan oleh Timbalan Menteri Kewangan sebentar tadi dalam Akta ini di dalam Seksyen 4 ada pengecualian, maksud saya ada setengah lori-lori yang menghantar hasil kita seperti sayur-sayuran termasuklah buah tomato, lobak dan sebagainya patut kita kecualikan, kerana pada hari ini hasil kita juga untuk kita hantar ke negara jiran kita.

Saya rasa tidaklah begitu banyak untuk kita perkatakan kerana dalam jawapan Timbalan Menteri Kewangan tadi telah banyak perkara yang dibangkitkan dalam jawapan perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan dalam tempoh beberapa hari ini telah pun beliau jawab. Jadi apa yang dijawabnya adalah meliputi seluruh yang ada dalam Akta ini.

Satu lagi saya inginlah untuk membuat sedikit rayuan kepada pihak berkenaan iaitu lori-lori yang masuk kadang-kadang dalam satu hari 3-4 kali, lori dari Johor Bahru saya contohkan masuk ke Singapura, kadang-kadang mereka dapat masuk 3-4 kali. Kita patut hadkan iaitu lori itu dalam satu hari dihadkan masuk sebanyak 3 kali. Masuk yang keempat kali itu kita tidak ambil cukai pula. Kita tidak bolehlah ambil \$100 tiap-tiap kali ia masuk. Jadi kalau 3 kali masuk \$300 lori itu terpaksa kena bayar kepada pihak penguatkuasa di situ.

Sebelum saya duduk, saya sekali lagi menyokonglah Rang Undang-undang Levi Kenderaan Barang ini.

5.55 ptg.

**Tuan Jaafar bin Harun:** Tuan Yang Dipertua, saya bangun mohon izin bercakap sepatah dua mengenai Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta bagi membuat peruntukan mengenai pengenaan levi ke atas semua kenderaan barang-barang yang meninggalkan Malaysia dan beberapa perkara yang ada berhubung dan berkaitan dengannya.

Rang Undang-undang ini adalah satu Rang Undang-undang yang baru yang belum lagi kita adakan dan sekarang sudah pun tahun 1983 ini barulah Kerajaan kita mengadakannya setelah Kerajaan kita menyedari dan mengetahui akan masalah perkara buruk dan baiknya atau untung dan ruginya akan beberapa jenis kenderaan-kenderaan dalam negara kita yang membawa barang-barang perniagaan masing-masing meninggalkan negara kita Malaysia ini ataupun membawa barang-barang sama ada barang-barang perniagaan atau persendirian seperti ke negara jiran kita sama ada ke Thailand atau ke Singapura.

Tuan Yang Dipertua, pada masa sekarang ini dan juga masa-masa yang lalu, rakyat-rakyat kita menjalankan perniagaan dengan menggunakan kenderaan sama ada dengan kenderaan yang besar ataupun kecil, lebih-lebih lagi dengan kenderaan lori yang menggunakan permit A, B, C dan sebagainya menjalankan perniagaan di negara kita ini dan juga keluar daripada negara ini terutamanya ke Singapura.

Sebagai yang kita maklum apa juga bentuk dan juga perniagaan yang dijalankan itu tentulah ada aturan-aturan tertentu yang dipatuhi dan

cukia-cukai yang dikutip oleh Kerajaan kita. Bayaran-bayaran yang sudah-sudah ini hanyalah tertentu dan ditujukan khas jenis barang-barang perniagaan yang dijalankannya. Jadi bayaran-bayaran yang lain tidak ada. Setiap hari beberapa kenderaan kita sama ada lori ataupun kenderaan lain beratus-beratus buah banyaknya meninggalkan tambak Johor untuk keluar berniaga ke Singapura. Jadi, segala lori-lori ataupun kenderaan-kenderaan itu berniaga meninggalkan tambak Johor ini tidak ada memberikan sumbangan kepada Kerajaan melainkan cukai-mukai perniagaan itu sahaja. Oleh itu, Kerajaan kita telah menyedari akan kehilangan sumber ekonomi yang sepatutnya kita dapat apabila kita adakan Rang Undang-undang ini.

Oleh itu, Tuan Yang Dipertua, Rang Undang-undang ini dibuat untuk memberi kuasa kepada Kerajaan kita khususnya Menteri yang berkenaan bagi kepentingan rakyat dan negara kita kerana setiap kenderaan barang-barang yang meninggalkan Malaysia ini mestilah dikenakan bayaran ataupun dilevikan ke atas kenderaan barang-barang itu. Walaupun demikian ada kecualinya, ini tertakluk kepada bukti-bukti yang ditunjukkan oleh pemandu-pemandu lori dan juga keputusan Menteri kerana di tempat pemeriksaan itu kelak akan ditugaskan beberapa orang pegawai yang memeriksa dan bertindak.

Tuan Yang Dipertua, di dalam Rang Undang-undang ini saya suka menarik perhatian Dewan ini kepada mukasurat 3, Fasal 8 (1) dan (2) iaitu pegawai-pegawai yang bertugas bagi pekerjaan ini dengan tidak memakai uniform dan mempunyai kad kuasa hendaklah ditunjukkan apakala diminta.

Tuan Yang Dipertua, Rang Undang-undang Fasal 8 (1) dan (2) ini pada pendapat saya adalah samar-samar

sedikit, tidak jelas, tidak tepat, tidaklah saya faham jika ia ada mempunyai tujuan-tujuan yang tertentu. Pada pendapat saya pakaian pegawai yang bertugas ini adalah tidak ditetapkan dengan sebenarnya yang mana satu, sama ada pakaian biasa ataupun beruniform. Jika ia tidak beruniform semasa menjalankan tugas ini boleh mengelirukan orang ramai kerana dengan cara yang demikian kepada pegawai kita yang bertugas. Jika pegawai yang bertugas ini tidak beruniform semasa menjalankan tugasnya, nanti ada pula orang yang tidak kena-mengena akan mengambil kesempatan, mereka boleh menyamar, sedangkan di hospital kita pada satu ketika dahulu ada doktor yang menyamar, kerana doktor-doktor kita ada uniformnya, itu pun mereka boleh menyamar, inikan pula tidak beruniform. Saya berharap mengenai pakaian pegawai kita yang bertugas ini hendaklah dikaji bagi kebaikannya.

Tuan Yang Dipertua, Rang Undang-undang ini apabila dilaksanakan kelak ada juga kelemahannya, tetapi banyak kebaikannya. Pada masa sekarang peniaga kita boleh menjual barang-barang petani-petani kita di kampung keluar daripada Malaysia ini ke Singapura dengan mendapat keuntungan. Jadi rakyat kita atau pengguna-pengguna kita di kampung terpaksa membeli barang-barang itu dengan harga yang agak mahal sebab terpaksa bersaing dengan perniagaan orang tengah. Tetapi manakala Rang Undang-undang ini dilaksanakan kelak rakyat kita atau pengguna kita di kampung boleh dapat membeli barang-barang dengan harga yang murah sebab tidak ada persaingan dengan orang tengah lagi. Oleh itu, Tuan Yang Dipertua, Kerajaan kita boleh mendapat sumber kewangan daripada levi kenderaan barang-barang ini, dengan ini boleh meninggikan ataupun menambahkan sumber kewangan negara.

Tuan Yang Dipertua, dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang ini bagi diluluskan.

*6.03 ptg.*

**Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang Dipertua, saya bangun bersama dengan rakan-rakan saya juga untuk menyokong Akta yang dibawa oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan mengenai mengenakan levi ke atas kenderaan-kenderaan barangan yang meninggalkan Malaysia, yang mana kita tahu dan sedar bahawasanya ini merupakan satu perkara yang baru, yang perlu dibuat demi untuk kebaikan kita bersama. Tetapi dalam perkara yang sama juga ingin saya tekankan bahawasanya pihak Kerajaan juga sedang berusaha untuk mempertingkatkan agar barang-barang buatan Malaysia mendapat pasaran di luar negeri untuk bersaing dan bertanding dengan barang-barangan yang dibuat oleh lain-lain negara. Oleh kerana kita perlu mewujudkan banyak kilang-kilang untuk mengeluarkan banyak barang-barang bukan sahaja untuk kegunaan dalam negeri tetapi juga untuk dieksport, dihantar dan dijual ke negara-negara lain baik di negara jiran mahupun di negara-negara yang jauh daripada negara kita.

Walaupun saya setuju dengan Akta ini untuk kita menekankan satu bayaran yang dikatakan hanya \$100 untuk sebuah lori yang meninggalkan negara bagi membawa barangan-barangan ke negara-negara jiran, saya berharap pihak Kerajaan tidak pula di masa-masa akan datang untuk menambahkan jumlah ini hingga ianya pula akan menjejaskan hasrat kita untuk menggalakkan barang-barang buatan Malaysia untuk mendapat pasaran di negara-negara asing terutamanya negara-negara yang berjiran dengan Malaysia.

Saya harap pihak Kerajaan akan dapat menentukan wang yang dikenakan sebagai levi itu, maka ini memang kita setuju jumlah (quantum) \$100 itu boleh dikatakan memadai untuk dikenakan kepada kenderaan-kenderaan barangan yang meninggalkan negara kita untuk dibawa ke negara-negara jiran. Itu yang pertama.

Kedua, saya ingin juga mendapat penjelasan yang lebih dalam dan detail lagi berkenaan dengan perkara pengecualian ke atas kenderaan barang-barang yang macam manakah, jenis manakah dan juga kelas kenderaan barang-barang yang mendapat ataupun yang boleh dikecualikan, adakah secara seluruhnya ataupun sebahagiannya. Saya minta jugalah mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan untuk memberi kita tahu tentang jenis-jenis dan cara-cara pengecualian itu dapat ataupun akan dilaksanakan. Itu sahaja Tuan Yang Dipertua, dua perkara yang saya ingin menyentuh mengenai Rang Undang-undang ini yang mana saya juga turut sama menyokongnya.

6.07 ptg.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah:** Tuan Yang Dipertua, saya juga bangun untuk menyokong akan Akta Levi Kenderaan Barang 1983 yang mana perkara ini telah pun diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan sebentar tadi dan begitu juga jawapan-jawapan yang telah diberi di dalam belanjawan 1984.

Di sini saya juga bersama dengan Ahli Yang Berhormat yang lain mengucapkan tahniah di atas langkah yang diambil oleh Kerajaan khasnya Kementerian Kewangan untuk menambahkan hasil pendaptan negara kita melalui Akta Levi Kenderaan Barang 1983 yang akan dimula

kuatkuasa sebagaimana di dalam tarikh-tarikh yang akan diwartakan nanti. Dari segi ini juga pihak Kerajaan dapat dan di sini juga menggalakkan pihak-pihak berkuasa kita iaitu swasta yang mana mereka ini menggunakan pelabuhan-pelabuhan yang telah kita sediakan di negara kita ini umpamanya Pelabuhan Pasir Gudang, Port Kelang, Pulau Pinang, Kuantan dan sebagainya. Oleh itu, dengan keadaan ini bayaran \$100 yang diberi, yang dikenakan kepada kenderaan-kenderaan yang keluar daripada negara kita ini untuk masuk ke negara lain dikenakan bayaran \$100 dan begitu juga kalau tidak dibayar ada undang-undangnya yang mana telah pun diterangkan tadi.

Di sini saya ingin bertanya bagaimana pula gayanya lori-lori ataupun kenderaan-kenderaan negara asing yang masuk dalam negara kita, yang membawa barang-barang dagangan mereka ke negara kita ini, dalam Akta ini tidak disebut sama ada kita hendak cukai ataupun tidak. Saya rasa perlu juga pihak Kerajaan memikirkan supaya ada timbal balasnya yang kita hantar pun kena, yang masuk pun kena. Saya rasa lori-lori yang masuk ke dalam negara kita ini melalui Thailand ke Padang Besar begitu banyak.

Oleh itu, rasa saya ini juga patut pihak Kerajaan mengenakan tiap-tiap lori ini saya rasa bukan \$100, kemungkinan lebih boleh dikenakan. Di samping itu, negeri-negeri lain juga rasa saya mereka itu pun mengenakan bermacam-macam perintah kepada kita, umpamanya kita pergi ke Singapura kereta kita terpaksa mengambil permit 2 hari, 3 hari dan sebagainya yang mana terpaksa kita lekatkan di depan kenderaan kita masuk ke Singapura. Di samping itu pula, kena kita membeli kupon untuk meletak kereta, kalau kita tak beli pula nanti kena saman dan sebagainya, tahan

dengan gerabak keretapi barang. Jadi di situ juga nanti akan timbul, apabila gerabak keretapi barang nanti keretapi penumpang pun isi barang. Ini kita perlu mempersiapkan peraturan-peraturan ini.

Oleh kerana kita ini menyambung apa yang telah diputuskan oleh Dewan Rakyat, saya minta kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang membentangkan Rang Undang-undang ini supaya dapat memberi penjelasan di dalam beberapa perkara yang disebutkan.

Dengan ini, Tuan Yang Dipertua, saya menyokong dengan sesungguhnya Rang Undang-undang ini dalam Dewan ini.

6.20 ptg.

**Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar:** Tuan Yang Dipertua, saya ingin mengambil bahagian bagi membahaskan suatu Rang Undang-undang Levi Kenderaan Barang-barang yang baru sahaja dibentangkan oleh Timbalan Menteri Kewangan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang Dipertua, Rang Undang-undang yang telah dibentangkan ini memanglah sesuai dan kena pada tempatnya kerana lori-lori atau kenderaan yang mengangkut barang-barang pengeluaran daripada negara ini ke negeri jiran memanglah bilangannya banyak sekali dan kalau tidak silap saya juga adalah dianggarkan dengan pungutan daripada levi kenderaan ini Kerajaan akan mendapat hasil sebanyak lebihkurang \$40 juta dan ini adalah jumlah yang begitu besar dan salah satu daripada hasil negara.

Tetapi, Tuan Yang Dipertua, di dalam Rang Undang-undang ini tidak menyebutkan berapakah beratnya tiap-tiap lori barang yang dikenakan levi \$100 yang meninggalkan negeri ini dan ada kadangkala lori yang seberat 3

tan, ada yang 5 tan, 6 tan, 10 tan dan 12 tan dan ini sudah tentu tidak adil dan tidak patut kalau sekiranya lori seberat 5 tan untuk mengangkut barang daripada negeri ini dibawa ke negeri jiran yang dikenakan levi sebanyak \$100 dan mungkin munasabah levi \$100 itu dikenakan kepada lori yang mempunyai muatan yang lebih, misalnya lori yang seberat 12 tan. Dan saya percaya mereka yang terlibat dalam perniagaan pengangkutan ini lebih suka menggunakan lori-lori yang lebih besar dan supaya dapat mengangkut barang-barang lebih banyak dan menjimatkan tenaga pekerja dan lori-lori yang pergi ke Singapura dan balik mereka tidak akan balik ke Malaysia dengan kosong sahaja. Mereka sudah tentu akan membawa barang-barang yang akan dihantarkan kepada pekedai-pekedai yang memesan barang daripada Singapura untuk disampaikan di mana sepanjang perjalanan negeri-negeri yang dilalui oleh lori-lori ini. Jadi, ini adalah sangat munasabah Kerajaan mengenakan levi. Tetapi jika sekiranya negara jiran kita mengetahui bahawa daripada hasil pendapatan levi ini begitu banyak, tidakkah ada undang-undang yang akan dikenakan bila lori kita hendak keluar daripada negara tersebut dan mereka ini juga akan dikenakan levi. Ini akan kena dua kali dan inilah satu implikasinya yang akan timbul.

Tuan Yang Dipertua, saya percaya lori kita yang masuk ke negeri jiran Singapura walaupun Republik Singapura sebuah negeri pelabuhan bebas dan bebas cukai dan saya tidak percaya yang tuan-tuan punya lori yang seberat 12 tan ini mungkin mempunyai lebih kurang 8 biji tayar. Mereka tidak akan menukar tayaranya di Singapura bawa balik ke Malaysia. Mereka tukar tayar lama, buang di Singapura dan pakai tayar baru balik ke Malaysia, sebab harga tayar lebih murah di Malaysia daripada di Singapura tetapi ini mungkin berlaku kepada lori-lori

yang masuk daripada Republik Singapura yang pasang dahulu tayar buruk, masuk ke Malaysia, balik ke Singapura, pasang tayar baru dari Malaysia, balik ke Singapura. Ini satu keuntungan kepada tuan-tuan punya kenderaan daripada negara jiran kita.

Tuan Yang Dipertua, saya berpendapat supaya levi \$100 itu jangan dikenakan secara seragam. Misalnya seseorang tuan punya lori mempunyai lori seberat 3 tan, 5 tan, 6 tan dan sebagainya kenapa tidak dikenakan levi ini berdasarkan kepada beratnya lori itu. Misalnya \$1 satu tan. Jadi kalau sebuah lori itu beratnya 6 tan maka ia akan hanya membayar sebanyak \$60 dan kalau 10 tan dia akan membayar \$100, 12 tan \$120 dan sudah tentu tuan-tuan punya kenderaan akan memilih kenderaan yang lebih besar. Mereka tidak mahu bawa lori yang kecil yang 2½ tan atau 3 tan, sebab ini kerjanya sekali gus dan ini akan menambahkan hasil daripada levi ini tadi. Jadi kalau kita buat levi seragam, ini akan memberatkan kepada mereka yang tidak berkemampuan untuk mempunyai kenderaan yang besar dan ini juga, Tuan Yang Dipertua, lori-lori kita yang meninggalkan negara ini pergi ke Singapura ada keuntungannya kepada negara kita, kerana ini juga mengurangkan kos pengangkutan barang-barang yang akan dibawa dari Singapura yang diimport dari luar negeri yang tidak melalui pelabuhan-pelabuhan kita, misalnya dari Port Kelang, Kuantan ataupun Pasir Gudang, kerana ini adalah lebih murah dan wakil-wakil pembahagi-pembahagi tunggal di Singapura memang sudah mempunyai wakil-wakil mereka di seluruh Malaysia ini, jadi secara membuat pembahagian ini, distributionnya lebih murah dan kos penjualannya juga mungkin jadi murah.

Itulah, Tuan Yang Dipertua, dikhuatirkan sahaja implikasinya ini akan timbul bila jiran tetangga kita

mengetahui dan mereka juga akan berbuat demikian. Inilah yang akan menerima akibatnya ialah tuan-tuan punya kenderaan. Jadi, saya berharap supaya Kementerian Kewangan dapat mengkaji dengan sedalam-dalamnya. Walau bagaimanapun cadangan Kerajaan dalam Undang-undang Levi Kenderaan ini memanglah sebaik-baiknya, kerana kita telah pun melepaskan lori-lori kita beratus-ratus buah sehari meninggalkan negara ini tetapi dengan tidak ada apa-apa yang diperolehi oleh pihak Kerajaan.

Satu lagi, Tuan Yang Dipertua, Kerajaan juga haruslah menghadkan bilangan lesen-lesen atau permit-permit yang dikeluarkan kepada interstate. Mungkin lesen-lesen yang ada sekarang ini dikeluarkan hanya kepada satu cara sahaja jadi semua lori-lori yang belum menyeberangi membawa barang-barang yang diangkut daripada negara ini ke negara jiran kita. Jadi saya mencadangkan kepada Kementerian supaya lori-lori yang khas untuk mengangkut barang-barang dan meninggalkan negara ini mestilah mempunyai lesen interstate dan mempunyai satu levi yang berasingan yang dikhususkan dalam permit kenderaan ini.

Tuan Yang Dipertua, saya juga menyokong Rang Undang-undang ini kerana salah satu daripadanya ialah bagi mengawal barang-barang negara ini yang diseludup ke negara jiran. Misalnya kerap kali kita dapati seperti bijih-bijih timah, kerana negara jiran kita memang tidak ada mempunyai kouta untuk mengeksport bijih timah di negara-negara lain seperti negara-negara pembeli timah. Oleh kerana pengeluar-pengeluar bijih timah di negara ini mencari satu cara yang lain, mereka telah dapat menggali, menghasilkan bijih timah yang lebih daripada kuota yang dikehendaki oleh Kerajaan dan lebih ini disogokkan kepada lori-lori ini dan dihantar ke negeri jiran untuk dieksport ke luar

negeri. Ini adalah kerugian yang dialami oleh Kerajaan. Ini saya tidak bermaksud bahawa mereka boleh berbuat dengan sewenang-wenangnya kerana kita mempunyai kawalan-kawalan yang tertentu tetapi kerap kali perkara-perkara yang serupa ini telah pun kita alami oleh pihak-pihak Kastam kita.

Tuan Yang Dipertua, saya berpendapat bahawa seperti mana yang saya sarankan tadi iaitu cara levi ini dikenakan tidaklah secara seragam, kerana ini akan membebankan kepada

mereka yang mempunyai kenderaan yang kecil. Jadi, saya berharap Kementerian dapat mengkaji sejauh mana ianya dapat disesuaikan menurut bilangan kenderaan-kenderaan yang digunakan oleh pengangkut-pengangkut barang. . . . .

**Tuan Yang Dipertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu sudah cukup.

Mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga pukul 3.00 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*